



**Kajian Terhadap Kritikan Sosial Dalam  
Filem One Two Jaga (2018)**

Oleh

**Nurul Syaheerah Binti Ghazlimi**

Projek Penyelidikan ini dikemukakan sebagai keperluan memenuhi  
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Teknologi  
Kreatif

(Pengajian Skrin)

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2020

	ISI KANDUNGAN	PENGHARGAAN	HALAMAN
ISI KANDUNGAN			
ABSTRAK			
ABSTRACT			
BAB I : PENGENALAN			
1.1 Latar Belakang Kajian			1-4
1.2 Pemasalahan Kajian			4
1.3 Objektif Kajian			4
1.4 Persoalan Kajian			5
1.5 Skop Kajian			5-6
1.6 Kepentingan Kajian			6
1.7 Struktur Organisasi Kajian			6
1.8 Kesimpulan			7
BAB II : KAJIAN LITERATUR			
2.1 Pengenalan			8
2.2 Definisi Kritikan Sosial			8-11
2.3 Tinjauan Kajian Lepas			11-24
2.4 Kesimpulan			24
BAB III : METODOLOGI			
3.1 Pengenalan			25
3.2 Kaedah Kajian			25-28
3.3 Cata Alir Penyelidikan			29
3.4 Carta Gant			30
3.5 Kesimpulan			31

BAB IV : PENGENALAN	32
4.0 Dapatan Kajian Dan Perbincangan	32
4.1 Masalah sosial Pendatang tanpa Izin	32-41
4.2 Masalah sosial rasuah dalam politik	42-53
4.3 Faktor-faktor mendorong isu sosial dalam Filem One Two Jaga	
4.3.1 Faktor kewangan	53-56
4.3.2 Faktor penindasan terhadap golongan Imigran	56-60
4.3.3 Faktor Individu	60
4.3.4 Faktor pandangan masyarakat terhadap anggota Keselamatan	61-62
Bab V : KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.0 Pengenalan	63
5.1 Kesimpulan	63-64
5.2 Cadangan	64
RUJUKAN	65-66

**PERAKUAN TESIS**

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh Ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

- |                          |                |  |
|--------------------------|----------------|--|
| <input type="checkbox"/> | <b>TERBUKA</b> | Saya bersetuju bahawa tesis noleh didapati sebagai naskah keras atau akses secara talian (teks penuh)  |
| <input type="checkbox"/> | <b>SEKATAN</b> | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati Sebagai naskah keras atau dalam talian (teks Penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.<br>Dari Tarikh _____ hingga _____ . |
| <input type="checkbox"/> | <b>SULIT</b>   | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)   |
| <input type="checkbox"/> | <b>TERHAD</b>  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan Organisasi di mana penyelidikan dijalankan)   |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak seperti berikut :

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat Salinan Bagi tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis sebagai tujuan pertukaran antara Institusi pengajian.

Tandatangan Utama

NURUL SYAHEERAH BINTI GHAZLIMI

Tarikh :

Nota : Sekiranya laporan ini SULIT ATAU TERHAD, sila kepilkan Bersama surat daripada Organisasi yang menyatakan masa dan sebab-sebab.

Tandatangan Penyelia

EN. FAIRULADILAN BIN HAMIDUN

Tarikh :

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji dan rasa syukur kepada Allah kerana dengan limpah kurniaNya penulis dapat meyelesaikan kajian ini bagi melengkapkan keperluan dalam kursus Ijazah Sarhana Muda Teknologi Kreatif kepujian iaitu dengan pengkhususan dalam bidang Pengajian Skrin Universiti Malaysia Kelantan, Bachok Kelantan. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji bagaimana pengisian yang disampaikan dalam sesebuah filem itu. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia Projek Sarjana Muda iaitu Encik Fairuladilan Bin Hamadun yang banyak memberi panduan dan tunjuk ajar dalam menyelesaikan kajian penyelidikan yang dipertanggungjawab oleh saya. Segala bimbingan, nasihat dan ilmu-imu yang diperkongsikan dapat membantu saya dalam mengetahui bagaimana menyiapkan kajian tersebut.

Selain itu saya juga ingin mengucapkan ribuan terima-kasih kepada panel pembentangan bagi projek penyelidikan ini kerana memberikan saya menyelesaikan kajian dengan penambahbaikan. Tidak lupa juga kedua-dua ibu bapa saya yang banyak memberi semangat dan pandangan dalam kajian ini. Ucapan penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang turut membantu dan memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan projek ini.

Segala bantuan dan kerjasama kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung saya mengucapkan terima kasih dan bersyukur. Semoga Allah SWT memberkati jasa dan ilmu yang telah dicurahkan kepada saya sepanjang tempoh penghasilan projek penyelidikan.

## ABSTRAK

Penyelidikan dan hasil kajian yang dilakukan mengenai kritikan sosial yang dipaparkan oleh arahan Namron dalam filem *One Two Jaga* yang diterbitkan pada tahun 2018. Kritikan Sosial dalam filem memaparkan bagaimana kehidupan yang berlaku dalam masyarakat sekarang yang merupakan cerminan masyarakat. Berdasarkan kajian ini adalah untuk mengenal pasti serta menganalisis apakah isu-isu sosial yang terdapat dalam serta apakah yang mendorong unsur-unsur isu sosial ini berlaku. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan membuat analisis kandungan pada filem tersebut. Antara isu sosial yang dipaparkan oleh Namron ialah tentang golongan unit beruniform Polis Diraja Malaysia yang melakukan jenayah rasuah, isu sosial pendatang asing tanpa izin yang ditindas. Keseluruhananya, kajian ini mampu memberi manfaat dan contoh yang baik bagi tujuan kepada penyelidik dalam mengkaji isu-isu kritikan sosial.

KATA KUNCI : *Kritikan Sosial, isu sosial, politik, masyarakat, filem, One Two Jaga*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ABSTRACT

The research and results of the study done on social criticism featured by Namron's direction in the film One Two Take Care published in 2018. Social Criticism in the film displays how life is going on in today's society which is a reflection of society. Based on this study is to identify and analyze what social issues are found in as well as what drives the elements of these social issues occur. Researchers have used a qualitative method by analyzing the content of the film. Among the social issues displayed by Namron was about the uniformed units of the Royal Malaysia Police who committed corruption crimes, the social issue of oppressed illegal immigrants. Overall, this study is able to provide benefits and good examples for the purpose of researchers in studying issues of social criticism.

KEYWORDS: *Social criticism, social issues, politics, society, film, One Two Jaga.*

UNIVERSITI  
KELANTAN

## BAB 1

### PENGENALAN.

#### 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Berdasarkan latar belakang dalam filem *One Two Jaga* (2018), menceritakan tentang bagaimana sisi gelap pasukan polis yang mencerminkan realiti kehidupan masyarakat kini yang terlibat dengan rasuah hingga hal tentang kepahitan hidup masyarakat dalam imigran. Filem ini di tayangkan pada tarikh 6 September 2018 dan merupakan sebuah genre filem aksi dan drama. Sebuah penerbitan filem syarikat *Pixel Play Sdn Bhd*. Penulis skrip pula oleh Ayam Fared, Namron, dan Amri Rohayat. Penerbit pula oleh Namron atau dikenali sebagai Sahili Abdan. Bagi sinematografi dalam filem ini ialah oleh Helmi Yusof. Terdapat banyak isu masalah sosial yang dipamerkan di dalam filem tersebut. Antara contohnya ialah penyelewengan kuasa dalam pasukan penguatkuasa, iaitu anggota polis yang terlibat dalam gejala jenayah rasuah. Terdapat juga isu pemerdagangan manusia di mana golongan manusia yang terpaksa berhadapan dengan eksploitasi dan penderaan. Selain itu, pekerja imiran yang dipergunakan oleh majikan mereka dengan memperlakukan secara kasar, pelarian golongan rohingya dan sebagainya. Penyampaian kritikan sosial dalam filem-filem Malaysia yang berkaitan politik jarang berlaku oleh kerana isu ini mendatangkan sesuatu yang berani dalam industri filem tempatan

Pengarah filem *One Two Jaga* (2018) iaitu Namron menyampaikan kritikan sosial dan politik secara berani dan berdepan oleh kerana beliau ingin menyuarakan dan menyelongkar isu-isu yang terjadi dalam masyarakat sekarang. Penceritaan yang disampaikan ini sedikit demi sedikit menyelongkar hal-hal korupsi dalam institusi polis di Malaysia yang dimana juga terjadi dalam kehidupan realiti kini tanpa kita sedar. Kritikan sosial yang dibawa Oleh Namron dalam filem telah disifatkan sebagai satu penceritaan yang membuka mata dalam industri filem tempatan. Ia memaparkan kepada masyarakat dalam kebangkitan baharu dalam filem yang menerapkan unsur-unsur realism.

Filem merupakan satu rangkaian media yang sangat terkenal di negara. Pada tahun 1960, Industri filem melayu telah menunjukkan perkembangan yang sangat ketara dengan terhasil pelbagai filem-filem yang terbaik dan juga melahirkan pengarah-pengarah yang juga terkenal. Filem adalah merupakan satu karya yang diterbitkan oleh seseorang yang memiliki pemikiran yang luar biasa dengan gabungan idea-idea mereka yang dapat membentuk kelainan dalam sesebuah penceritaan yang kini juga berkait dengan kehidupan manusia. Pada masa kini terdapat banyak filem yang sudah diterbitkan mengikut kepada genre-genre yang telah mendapat banyak sambutan pada masyarakat.

Sejak lebih enam dekad lalu kita sering disajikan dengan watak dan pelbagai ragam manusia dalam filem. Gambaran melalui imej-imej yang ditampilkan melalui watak dan perwatakan sudah pasti mempunyai peranan yang menarik perhatian penonton. Watak-watak yang dicipta bersesuaian dengan genre atau tema drama dan filem. Kategori berdasarkan tema-tema muzikal, komedi, cereka, perang, sejarah, detektif, propaganda, pengembaraan, kisah masyarakat, bangsawan dan hikayat. Bukan itu sahaja, menurut mereka lagi, sesuatu hasil sastera ataupun karya seni seperti genre filem adalah hasil imaginasi dan interaksi pengkarya dengan sesuatu pemikiran, ideologi dan realiti masyarakat. (Jodie Yap Siew Wen, 2018)

Menurut pendapat daripada Profesor Madya Dr Mohd Adnan Hashim (2015), mesej yang telah diterapkan dan isu-isu sosial dalam filem adalah betujuan bagi mendidik dalam kalangan masyarakat. Sesuatu karya yang menfokuskan dalam aspek nilai-nilai murni yang baik serta berasaskan syariat islam merupakan satu perjuangan dalam landasan dakwah kepada masyarakat. Genre-genre filem berasaskan islam membuktikan keindahan islam bersifat baik dan sempurna dari sudut pandangan masyarakat. (Prof Madya Dr Mohd Adnan Hashim et al., 2015)

Menurut Kamal Azmi Abd Rahman (2016), kritikan sosial adalah merupakan komunikasi dalam masyarakat yang menceritakan tentang kehidupan bermasyarakat. Kritikan sosial merupakan antara dua maksud yang terdiri dari dua kata iaitu ‘kritik’ dan juga ‘sosial’. Maksud ‘kritik’ ialah yang terdiri daripada membuat analisis , penilaian, dan juga sesuatu ulasan. Dalam kritikan sosial juga terkandung tiga aspek perkara yang diambil. Antaranya ialah dalam penilaian, perbandingan dan ungkapan dalam kehidupan masyarakat. (Kamal Azmi Abd Rahman & Sharifah Nur Aminah Syed Kassim, 2016)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Dalam filem *One Two Jaga* (2018) ini juga terdapat beberapa aspek yang telah diketengahkan iaitu dari segi aspek politik, sosial masyarakat, dan ekonomi. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan , filem ini berjaya memperjuangkan isu sosial yang sangat baik dari segi pelbagai aspek yang ditonjolkan dalam watak-watak tersebut. Selain itu, filem ini juga mempersoalkan tentang nasib hidup imigran yang dijadikan sebagai hamba dan golongan masyarakat ketika itu yang cuba mengambil kesempatan. Selain itu, manusia yang dianggap baik dan juga amanah akhirnya melakukan perkara yang tidak sepatutnya yang terjerumus dalam jenayah rasuah . Hal ini jelas menunjukkan dalam bagaimana dunia realiti yang berlaku dalam masyarakat kita oleh disebabkan keinginan atau kehidupan yang tidak pernah cukup. Golongan masyarakat yang hidup miskin dan yang tidak mempunyai hak untuk bersuara, tidak mempunyai kuasa saling menjadi musuhan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.2 PEMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan pemasalahan dalam kajian ini, memang tidak dinafikan bahawa kajian tentang kritikan sosial sehingga kini kajian yang mengkritik isu-isu sosial dalam filem tempatan banyak tertumpu terhadap filem-filem dari karya Mamat Khalid iaitu kajian daripada Suraidah Ambok Mangkek dan Nur Afifah Vanitha Abdullah. Hasil tulisan dari pihak mereka ini adalah berkaitan dengan objektif iaitu yang terdiri daripada sudut isu sosial, isu politik dan juga isu ekonomi. Selain itu juga, sehingga kini kajian oleh Yasmin Ahmad juga turut tertumpu dari segi unsur-unsur sosial iaitu pengarangnya yang bernama Umi Atikah Binti Mohd Kamil. Hasil daripada analisis yang dilakukan, terdapat dua aspek yang diketengahkan iaitu isu penyatuan kaum dan penyatuan budaya.

Selain itu, Hasil-hasil kajian dari filem-filem P.Ramlee juga turut menjadi tumpuan oleh penulis lain oleh kerana karya-karya beliau banyak menerapkan unsur-unsur isu sosial di kalangan kehidupan dalam masyarakat. Hal ini jelaslah, kajian yang mengkritik mengenai kritikan sosial berdasarkan filem One Two Jaga (2018) ini masih kurang. Sehubungan itu, kajian ini hadir dengan memberi tumpuan terhadap kritikan sosial dalam filem *One Two Jaga* (2018) arahan Namron.

## 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian yang perlu dicapai melalui kajian ini adalah :

- a. Mengkaji isu-isu sosial dalam filem *One Two Jaga* (2018) arahan Namron.
- b. Menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada isu sosial dalam filem *One Two Jaga* (2018) arahan Namron.
- c. Mengaplikasikan isu-isu sosial dalam filem pendek yang akan dibangunkan.

#### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian yang dipaparkan adalah bertujuan bagi menghuraikan serta memperjelaskan apakah kritikan sosial yang terdapat dalam filem.

- a. Apakah isu-isu sosial dalam filem *One Two Jaga* (2018) arahan Namron?
- b. Bagaimanakah faktor-faktor yang menyumbang kepada isu sosial dalam filem *One Two Jaga* (2018) arahan Namron?
- c. Bagaimanakah isu-isu sosial dalam filem pendek yang akan dibangunkan?

#### 1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini menjadi tumpuan terhadap filem *One Two Jaga* (2018) arahan Namron kerana kandungan naratifnya sangat penting dalam memaparkan isu sosial yang terdapat dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Filem ini juga menjadi pilihan pengkaji disebabkan kejayaannya yang menembusi pasaran antarabangsa iaitu meraih anugerah kemenangan besar iaitu dalam *Festival Filem Malaysia* dan merangkul anugerah *Pengarah Terbaik* serta *Pelakon Pembantu Terbaik* di *Majlis Anugerah Filem Antarabangsa*. Selain itu, filem ini memenangi percalonan *Grand Prix* iaitu dalam *Filem Terbaik Asia* dalam kategori *New Asian Cinema Competition* di *12<sup>th</sup> Five Flavours Asian Film Festival* di Warsaw, Poland. Juga turut tercalon di dalam Sembilan filem terbaik Asia dalam kategori tersebut.

Berdasarkan dalam skop kajian ini, tujuan pengkaji memilih filem *One Two Jaga* (2018) arahan oleh Namron oleh kerana masalah sosial di negara Malaysia sepanjang hari menjadi kritis. Pelbagai isu sosial dilaporkan setiap hari didaerah akhbar seperti dalam sorotan akhbar *Sinar Harian* yang dikeluarkan pada 19 April 2021 berkenaan tajuk “pekerja imigran yang ditindas, dieksplotasi.” Serta dalam akhbar *Melaka Kini* yang bertajuk “Pekerja rasa ditindas, tidak dijaga kebajikan boleh lapor JTKSM”. Berkenaan isu tentang rasuah

pula dalam akhbar Utusan Malaysia menyatakan “*Sarjan polis direman kes rasuah RM 31,000.*” Pengkaji mendapati kajian bekanaan tentang kritikan sosial ini masih kurang. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengupas isu sosial filem yang dimana berkait rapat dengan situasi masalah sosial dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

### **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Berdasarkan kepentingan kajian adalah untuk memberi manfaat kepada pengkaji lain kerana ia mampu menjadi sumber rujukan dalam aspek kritikan sosial. Melalui kajian ini, para pengkaji yang ingin mendapatkan maklumat pengenai kritikan sosial mahupun tentang filem *One Two jaga* (2018) arahan Namron dapat menyumbang kepada kajian mereka dalam penyelidikan dan sebagai satu contoh panduan dalam pembelajaran. Kajian ini juga mampu memberikan manfaat dan pendedahan kepada mereka supaya dapat menerapkan elemen yang berguna kepada kajian yang akan datang sebagai sumber rujukan.

### **1.7 STRUKTUR ORGANISASI KAJIAN**

Berdasarkan kajian yang dilakukan mengandungi beberapa bab. Pada bab ini kajian akan lebih menfokuskan kepada pengenalan iaitu menerangkan tentang kajian yang akan dijalankan. Pemasalahan kajian yang wujud di dalam filem tersebut sama ada dalam aspek luaran atau dalaman yang telah dipilih oleh pengkaji. Seterusnya, bagi mencapai matlamat di dalam kajian ini haruslah mempunyai objektif. Tujuan objektif kajian adalah untuk menfokuskan lagi tentang isu apakah yang ingin dikaji. Persoalan di dalam kajian juga perlu diselesaikan serta menghuraikan tentang hal yang berlaku. Oleh itu, dengan menjawab segala persoalan pengkaji akan memperoleh dan mengetahui masalah yang terjadi dalam

kalangan masyarakat. Skop kajian ini akan lebih menfokuskan dalam menerangkan dengan lebih jelas dan terperinci mengenai kajian penyelidikan yang dilakukan.

## **KESIMPULAN.**

Sebagai kesimpulannya, di dalam bab 1 ini pengkaji akan menganalisis tentang tajuk yang berkaitan dengan pengenalan, latar belakang masalah, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, persoalan kajian, pemasalahan kajian dan juga struktur organisasi kajian dan akhir sekali ialah kesimpulan. Berdasarkan kesemua maklumat yang telah dikumpul dan di analisis, pengkaji akan menjadikan sebagai rujukan dan panduan bagi menjalankan kajian penyelidikan. Selain itu di dalam bab 1 ini juga akan menerangkan secara lebih terperinci kepada penyelidik tentang tajuk yang telah dilakukan.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 PENGENALAN

Kajian literatur merupakan kaedah yang menekankan beberapa aspek yang penting iaitu mengetahui makna berdasarkan tajuk yang akan dikaji oleh pengkaji. Aspek yang penting ialah dengan menghuraikan tentang kritikan secara umum. Setelah itu barulah menekankan tentang jenis-jenis kritikan dan makna sosial secara umumnya. Disini pengkaji akan menghuraikan tentang kepentingan makna kajian serta membuat penyelidikan berdasarkan kajian-kajian lepas sebagai panduan.

#### 2.1.1 DEFINISI KRITIKAN

Pusat rujukan persuratan melayu (2017) ada menyatakan sebuah kritikan merupakan karya yang berasal melalui buku. Ia meneliti tentang hal-hal kebaikkan dan juga kelemahan sesuatu tersebut. Definisi kritikan merupakan sesuatu yang membawa erti tentang teguran, pujian, kecaman sama ada dalam bentuk yang baik atau kasar. Sebagai contoh, di dalam kehidupan manusia, kritikan ini akan sering dibawa dan berlaku oleh kerana ia memberi pandangan oleh masyarakat untuk melontarkan keinginan mereka. Selain itu, dalam ilmu manusia, kritikan yang dilontarkan adalah dengan pelbagai kaedah iaitu melalui puisi, pantun, cerpen dan juga di dalam sebuah filem. Tujuan kritikan yang dilontarkan adalah mempunyai maksud-maksud yang berguna sama ada baik atau buruk.

Hal ini, dengan kritikan yang disampaikan dapat membuka mata dan pandangan masyarakat tentang hal yang dibicarakan.

Melalui kajian yang dilakukan oleh Indirawati Zahid (2018) menyatakan sebuah kritikan merupakan sesuatu perkara yang berunsur negatif namun ia juga boleh dijadikan perkara yang membawa kepada unsur positif. Dalam hal ini, maksud kritikan sangat banyak kerana ia adalah sebuah ulasan. Masyarakat pada masa kini amat berpadukan dengan konsep budaya melayu. Pelbagai cara kritikan yang digunakan namun tujuan ia disampaikan adalah bagi mencapai sesuatu matlamat. (Indirawati Zahid, 2018)

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2015, hlm. 830) kritikan dibahagikan kepada beberapa maksud. Iaitu merupakan analisis, membuat penilaian terhadap sesuatu karya. Selain itu maksud kritik juga merupakan kata-kata atau sebagai ulasan. Erti maksud lain bagi kritikan juga adalah sesuatu yang disampaikan kepada imdividu sama ada dalam bentuk pujian atau kecaman. Hal ini jelaskan kritikan membawa erti maksud yang berbeza dari sudut pandangan dan cara yang dilontarkan sama ada baik atau tidak baik. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015)

### **2.1.2 DEFINISI SOSIAL**

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Kedua (2017), maksud sosial merupakan semua perkara yang berkaitan dengan masyarakat, seseorang yang sentiasa ambil berat terhadap sesama hubungan manusia dan sentiasa suka mengamalkan sifat ramah mesra dengan masyarakat. Sosial diertikan dengan pelbagai tingkah laku. (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2017) . Menurut Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf (2012), peranan dalam diri serta pembentukan keperibadian seseorang juga boleh dipengaruhi oleh pelbagai aspek iaitu disebabkan oleh persekitaran dalam kehidupan manusia yang

bercampur gaul. Ia juga telah dijelaskan dalam satu ayat al-Quran iaitu ayat 8 hingga 10 melalui Surah al-Shams yang telah diberikan maksud:

*“ Maka Dia mengilhamkan kepadanya sebuah jalan dalam kejahatan dan ketaqwaan, sungguh untung bagi orang yang membersihkannya, dan sungguh rugi orang yang mengotorkannya”. (Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf, 2012)*

Berdasarkan erti maksud di dalam ayat al-Quran tersebut, jelaslah kehidupan manusia ini merupakan satu pilihan yang telah mereka pilih. Ia merupakan keperibadian manusia yang telah dipengaruhi oleh persekitaran mereka. Pilihan ini yang menentukan sama ada perjalanan kehidupan yang menuju ke jalan yang baik atau tidak baik. Namun jika seseorang itu telah terjerumus dalam pilihan yang salah, mereka juga boleh berubah dalam memperbaiki kehidupan tersebut kearah yang lebih baik.

Antara teori sosial oleh Albert Bandura (1977), telah menyatakan mengapa manusia melakukan sesuatu perkara. Antaranya ialah 3 faktor iaitu di antara interaksi hubungan sesama manusia, tabiat perilaku manusia, persekitaran yang baik atau jahat yang akan mendorong mereka. Manusia telah diberi akal fikiran untuk berfikir sebelum melakukan perkara yang baik atau pun tidak baik. Oleh hal ini jelaslah, ketiga faktor oleh Bandura (1977), telah menyatakan walaupun faktor ini telah lama muncul namun ia juga akan berpengaruh dengan perkara yang lain. (Albert Bandura, 1977)

### **2.1.3 KRITIKAN SOSIAL**

Kritikan sosial merangkumi tentang sebuah nilai yang membawa kepada negatif dan juga positif. Naila Mufidah, (2004) telah menyatakan kritikan sosial ini sering digunakan dalam pelbagai kaedah iaitu di dalam media massa, penulisan akademik, serta dalam wacana Pendidikan institusi. (Naila Mufidah, 2004). Kritikan sosial yang diterapkan dalam

sebuah filem terutamanya di dalam filem melayu merupakan sesuatu perkara yang penting. Oleh kerana, setiap paparan dan mesej yang disampaikan adalah berhubung kait dengan kehidupan manusia serta merupakan sebahagian cerminan masyarakat. Pada masa kini, terdapat banyak perkara yang berlaku dalam golongan masyarakat yang berkait dengan kehidupan. Masalah hidup manusia yang tidak pernah habis dengan perkara-perkara yang mendorong kearah negatif. Jika ramai pengarah filem di Malaysia sentiasa berfikiran luar kotak dalam menerbitkan sebuah filem yang berunsurkan kehidupan masalah sosial masyarakat, mungkin ramai yang akan membuka minda dalam menyedari pelbagai perkara yang telah terjadi di Malaysia dan cuba untuk hentikan gejala tersebut. Antara contohnya dalam perihal rasuah yang terjadi di dalam hal politik dan sebagainya. Oleh sebab itu, filem tempatan perlu menghasilkan sesuatu idea yang luar kotak pemikiran oleh kerana filem tempatan di Malaysia kini kurang mengambil peduli dan menekankan tentang kehidupan budaya bangsa melayu.

Kassim Ahmad (1981) telah menyatakan seseorang manusia iaitu seorang pengarang yang juga mempunyai keperibadian diri bukan hanya sahaja bergantung kepada untuk menghiburkan semata-mata, namun disebalik kata-kata merupakan satu pengajaran dan juga cara untuk menyedarkan manusia mengenai kritikan sosial ini. (Al fatihah Binti Md Adnan, 2014)

## **2.2 KAJIAN LEPAS / KAJIAN LITERATUR**

Jurnal pertama yang menjadi rujukan berkaitan dengan konsep kritikan sosial ialah di dalam “Filem Werewolf Dari Bangladesh (2015)”, iaitu arahan Mamat Khalid. Jurnal ini merupakan hasil karya dari Suraidah Ambok Mangkek dan Nur Afifah Vanitha Abdullah. Hasil tulisan dari pihak mereka ini adalah berkaitan dengan objektif iaitu yang terdiri daripada sudut isu sosial, isu politik dan juga isu ekonomi yang diketengahkan. Berdasarkan keseluruhan penceritaan di dalam filem tersebut, pengarah filem iaitu Mamat Khalid telah

mengangkat subjek watak serigala jadian (werewolf) ini sebagai subjek pertama. Beliau menekankan sebuah karya ini kerana ingin menonjolkan kelainan. Selain itu, masyarakat telah mempengaruhi beliau dalam mengolah sebuah karya tentang isu sosial, ekonomi dan politik yang terjadi dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Konsep yang digunakan di dalam karya ini menggunakan pendekatan teori sosiologi dari Hippolyte Taine (1828).

Berdasarkan Isu yang diketengahkan dalam filem ini adalah berkaitan dengan masalah kegiatan masyarakat budaya melayu yang segelintir memandang serong terhadap golongan pendatang asing. Selain itu, isu sosial yang dikaitkan adalah masyarakat yang percaya akan perkara yang khurafat, bersifat malas, sering berfoya-foya dengan pelbagai dunia hiburan, masyarakat yang sering melakukan gejala buli dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, itulah tujuan Mamat Khalid meletakkan isu berkaitan kritikan sosial ini bagi menunjukkan bagaimana pandangan dan perilaku segelintar masyarakat. Hal ini supaya ingin menyedarkan kepada mereka bahawa tidak semua pandangan mereka adalah benar. Setiap babak yang ditonjolkan dalam filem yang berunsurkan kritikan sosial ini mempunyai banyak mesej dan maksud yang tersirat disampaikan oleh pengarah. Sebagai contoh antara filem tempatan di Malaysia yang berkaitan dengan isu tersebut dengan meletakkan babak-babak yang mencerminkan bagaimana kehidupan masyarakat kini. Salah satunya seperti pengarah filem di dalam *One Two Jaga* (2018) arahan Namron yang mempamerkan sisi gelap perilaku tentang rasuah di kalangan anggota polis.

Secara keseluruhannya, kajian dari Suraidah Ambok Mangkek dan Nur Afifah Vanitha Abdullah dalam penelitian filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) ini lebih kepada sosial, isu politik dan juga isu ekonomi sedangkan kajian yang dijalankan pengkaji ini lebih memberi tumpuan kepada filem *One Two Jaga* (2018) arahan Namron. Namun demikian, kaedah analisis filem yang dijalankan oleh Suraidah Ambok Mangkek dan Nur Afifah Vanitha Abdullah membantu dalam kaedah kajian ini. Unsur-unsur yang dimasukkan dalam

sebuah filem mengenai konsep kritikan sosial adalah sesuatu idea yang lebih baik dan berani. Oleh kerana, dengan menonjolkan sebahagian perilaku yang telah berlaku di Malaysia dapat membuka pemikiran masyarakat bahawa terdapat banyak sisi gelap yang berlaku tanpa mereka sedar. Justeru, pengarah-pengarah di Malaysia haruslah berani dalam menyelongkar sebahagian perilaku masyarakat yang tidak disedari oleh orang ramai ini dalam memperbanyak lagi tentang penceritaan sebegini.

Seterusnya bagi rujukan jurnal yang berkait dengan hasil kajian kritikan sosial adalah dari Sutradara oleh Yasmin Ahmad dalam filem “Talentime” oleh pengarangnya iaitu Umi Atikah Binti Mohd Kamil. Hasil daripada analisis yang dilakukan, terdapat dua aspek yang diketengahkan iaitu isu penyatuan kaum dan penyatuan budaya. Berdasarkan idea utama dalam filem tersebut, Allahyarham Yasmin Ahmad telah mengaplikasikan penceritaan ini berdasarkan kisah hidup yang terjadi disekeliling kehidupannya. Beliau menerapkan unsur mengenai kaum dan budaya oleh kerana mempunyai latar belakang percampuran kaum. Beliau pernah menyatakan, erti senuah nilai persahabatan tidak mengira kaum dan sentiasa memegang tentang kepercayaan antara satu sama lain. Hal ini dengan penelitian yang dilakukan oleh beliau dapat membuat satu perubahan kepada masyarakat serta membangunkan industri filem tempatan Malaysia dalam elemen pelbagai budaya dan bangsa.

Secara keseluruhan yang terdapat dalam jurnal kajian oleh Sutradara oleh Yasmin Ahmad dalam filem “Talentime” oleh pengarangnya iaitu Umi Atikah Binti Mohd Kamil ini adalah menerangkan tentang isu penyatuan kaum dan penyatuan budaya sedangkan pada kajian pengkaji lebih menfokuskan kepada isu-isu sosial dalam filem *One Two Jaga* (2018). Walaubagaimanapun, sedikit sebanyak menjadikan panduan penyelidikan terhadap pengkaji dalam kaedah kajian ini. Selain itu, berdasarkan kesimpulan kajian oleh Umi Atikah Binti Mohd Kamil, kita dapat melihat berlakunya proses kritikan sosial dalam konteks

integrasi kaum dan integrasi budaya dalam masyarakat. Hal ini kita dapat menilai dalam menerima pengajaran kehidupan walaupun dalam pelbagai kaum, bangsa atau perbezaan budaya haruslah sentiasa mempunyai kepercayaan, keikhlasan dan saling bertolak ansur dalam apa-apa perkara. Terutamanya jika di dalam persahabatan, percintaan dan hubungan di antara masyarakat di sekeliling haruslah sentiasa menjalinkan hubungan yang mesra bagi mengeratkan lagi silaturahim sesama sendiri.

Di dalam kajian literatur seterusnya yang berkait dengan kritikan sosial adalah karya-karya dalam filem P.Ramlee. Salah satu jurnal yang berkaitan dan diambil adalah koleksi jurnal yang diterbitkan pada tahun 2016 dan pengarangnya bernama Nur Hafizah Binti Abdullah. Hasil penulisan jurnal iaitu yang bertajuk “*Keangungan Filem P.Ramlee Di Malaysia: Perspektif Antara Generasi*”. Antara tujuan dan objektif kajian bagi jurnal ini adalah faktor-faktor yang menyebabkan filem P.Ramlee masih tidak dilupakan dan masih segar dalam ingatan masyarakat kini dan mengapa lapisan generasi kini masih meminati karya-karya beliau.

Secara keseluruhannya, kajian oleh Nur Hafizah Binti Abdullah menekankan tentang kritikan sosial dalam karya-karya dalam filem P.Ramlee yang bertajuk “*Keangungan Filem P.Ramlee Di Malaysia: Perspektif Antara Generasi*”. Penelitian berdasarkan kajian ini dapat membantu pengkaji dalam mengambil sebagai sumber maklumat bagi menyempurnakan kajian dalam kritikan sosial dalam filem *One two Jaga* (2018).

Kesimpulannya, apa yang ingin disampaikan oleh pengarang berdasarkan jurnal adalah, sesebuah filem yang menjadi sanjungan kepada masyarakat kini adalah kerana pengisinya yang mempunyai jalan penceritaan yang bagus. Namun penceritaan sebuah filem itu berlandaskan dengan banyak faktor. Antaranya ialah mesej-mesej yang tersirat yang cuba disampaikan oleh pengarah memberi kesedaran dan membuka mata masyarakat dalam menilai sesuatu yang baik atau tidak. Allahyarham P.Ramlee mempunyai kehebatan

yang luar biasa serta idea-ideanya yang unik dalam memasukkan unsur mesej-mesej yang merupakan kehidupan cerminan masyarakat. Sebagai contoh, pemikiran beliau dalam memberikan kritikan terutamanya dari segi ekonomi, agama, politik, sosio budaya serta yang berkaitan dengan pemasalahan kehidupan masyarakat yang berlaku di sekeliling.

Sehingga kini, karya-karya beliau masih menjadi kesukaan masyarakat tidak kira golongan muda atau tua oleh kerana, hasil karyanya yang penuh dengan mesej-mesej yang positif serta jalan penceritaan yang tak akan lapuk di telan zaman. Antara contoh karya beliau adalah Bujang Lapok, Nujum Pak Belalang, Musang Janggut dan Semerah Padi. Kesemua filem ini yang bergenre komedi namun mempunyai maksud dan mesej yang tersirat. Dalam filem beliau iaitu “Musang Berjanggut” (1959), yang mempamerkan tentang isu rasuah dalam kalangan masyarakat. Kebanyakkan filem beliau adalah yang berunsurkan nilai-nilai yang baik. Selain itu, kritikan sosial dan sindiran juga turut banyak diterapkan.

Kesimpulannya, berdasarkan penelitian ini kita dapat melihat dalam bagaimana perbezaan filem pada zaman sekarang yang segelintir yang tidak mahu mencari kelainan. Namun tidak banyak filem kini yang meletakkan unsur kritikan sosial seolah mereka tidak mahu merungkai situasi yang berlaku di kalangan masyarakat sekarang. Antara contoh pengarah tempatan yang sentiasa menekankan nilai-nilai seperti ini adalah Mamat Khalid, Yasmin Ahmad, Nam Ron yang memasukkan unsur penceritaan kisah disebalik kehidupan masyarakat kini. Oleh kerana itu, masyarakat perlu melihat fakta dan kebenaran apa yang berlaku di sekeliling mereka tanpa mereka sedar.

Jurnal yang berikutnya yang menjadi sebagai panduan rujukan adalah yang bertajuk “*Korupsi dalam Film Indonesia*” (2014) yang merupakan hasil pengkarya yang bernama Rhafidilla Yebrynda. Berdasarkan analisis yang dilakukan, terdapat 4 perbezaan jalan cerita di dalam 1 filem iaitu di dalam “Omnibus Kita versus korupsi” ini memaparkan walaupun

masyarakat mereka merasa kegiatan jenayah rasuah ini adalah salah, namun ia masih terjadi di dalam kalangan masyarakat. Penelitian seterusnya adalah berkaitan dengan kejadian rasuah ini sering berlaku di kalangan golongan penguasa seperti pegawai, orang-orang atasan yang memegang jawatan hebat-hebat, ketua di dalam sektor kerajaan dan juga pekerja yang memakai kolar putih yang sering menipu dan melakukan aktiviti gejala rasuah ini. Selain itu, berdasarkan analisis daripada teori model aktan, filem "Kita Versus Korupsi" ini menggambarkan perilaku seseorang jenayah rasuah ini memberikan kesan dan contoh yang tidak baik serta akan mencemarkan watak terhadap protagonis yang memegang watak baik di dalam sebuah filem. Seterusnya, dapatan akhir sekali ialah seseorang yang mempunyai perilaku rasuah ini akan berhadapan dengan seseorang yang memegang watak lain yang akan menolak dari terjerumus dalam unsur jenayah rasuah tersebut.

Berdasarkan kajian ini kita dapat melihat gejala rasuah ini sangat memberi keburukan dalam kehidupan masyarakat serta menjatuhkan sesebuah negara terutamanya dalam sektor pembangunan ekonomi yang akan menyebabkan berlakunya masalah penyelewengan oleh disebabkan manusia yang mementingkan diri sendiri. Secara keseluruhannya, kajian oleh Rhafidilla Yebrynda lebih kepada penelitian tentang "*Korupsi dalam Film Indonesia*" (2014) dan "*Omnibus kita versus korupsi*" namun demikian kajian yang dijalankan oleh pengkaji memberi tumpuan dalam filem One two Jaga (2018). Hal ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji dalam membezakan pengisian di antara kajian tersebut serta mendapatkan maklumat.

Jurnal yang kelima seterusnya yang berkaitan dengan hasil kajian kritikan sosial ialah dari hasil penulisan dari Bazrul Redzuan dan Nur Hafizoh Idris iaitu "Analisis Dekonstruktif Terhadap Satira Sosiobudaya dan Politik dalam Filem Lelaki Harapan Dunia (2014)". Antara isu yang diketengahkan di dalam kajian ini adalah berkaitan tentang isu

satira sosiobudaya dan satira politik. Satira sosiobudaya dan politik merupakan sebahagian cara seseorang itu menonjolkan perilaku yang bertujuan dalam mendidik, menegur, sindirian, puisi dan sebagainya. Penggunaan satira di dalam filem ini adalah cara bagaimana kritikan sosial ini disampaikan dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan kajian ini dapat dilihat unsur satira yang digunakan dalam konteks sosiobudaya dalam kehidupan adalah seperti penggunaan dalam Bahasa Malaysia. Manakala bagi satira bagi aspek politik pula digunakan untuk menjurus kearah yang tidak baik atau lebih dikenali sebagai rasuah yang digunakan. Namun pada zaman kini, satira juga dilakukan dalam pelbagai golongan masyarakat tidak kira bangsa dan agama bagi menyuarakan sesuatu pendapat mahupun dalam kata-kata seperti kritikan. Di dalam filem tersebut, pemegang watak sebagai ahli politik kampung yang merupakan seorang yang pecah amalnah dimana beliau mengamalkan sikap “duit unta” bagi tujuan yang tidak baik. Selain itu juga, seorang yang memegang watak sebagai Encik Juta Seri yang merupakan wakil Persatuan Pemuda Bersatu (PPB) yang mengambil kesempatan dalam menggunakan kedudukan bagi meraih sokongan orang kampung dengan memberi “Derma unta” sebagai cagaran.

Kesimpulannya, kita dapat melihat dalam bagaimana sikap golongan ahli politik ini yang menipu dan mengambil kesempatan dengan pecah amanah serta mengambil kesempatan dengan menggunakan tekitik kotor bagi mendapat sesuatu yang diinginkan. Dalam analisis ini secara keseluruhannya, kajian oleh penulisan dari Bazrul Redzuan dan Nur Hafizoh Idris menfokuskan penelitian terhadap “*Analisis Dekonstruktif Terhadap Satira Sosiobudaya dan Politik dalam Filem Lelaki Harapan Dunia (2014)*” manakala kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini lebih mengenai isu sosial yang terdapat dalam filem *One Two Jaga* (2018). Namun, kaedah kajian oleh Bazrul Redzuan dan Nur Hafizoh Idris ini banyak memberi informasi kepada pengkajian dalam kaedah kajian ini.

Dalam kajian literatur yang seterusnya adalah tentang tajuk “Pemikiran Hatta Azad Khan dalam Teks Drama Muzikal Kampung Baru” yang diterbitkan pada tahun 2016 dan pengarangnya yang bernama Mazlan Bin Abet. Hasil penulisan jurnal ini antara objektif kajian adalah mengkaji berkenaan pemikiran dan juga persoalan dari aspek ekonomi, sosial dan juga unsur-unsur nilai murni yang dimasukkan. Berdasarkan pengisian jurnal ini, terdapat banyak nila-nilai sosial yang diterapkan oleh Hatta Azad Khan. Selain itu, penghasilan drama ini adalah daripada idea-idea yang telah diolah oleh kerana Drama Muzikal Kampung Baru ini merupakan kisah benar yang telah berlaku dalam realiti kehidupan penulis. Oleh sebab itu, Hatta Azad Khan bukan sahaja seorang yang berfikiran kreatif dalam menghasilkan drama muzikal, namun beliau juga seorang penulis dalam konteks sosial masyarakat. Penggunaan teori oleh Marxisme adalah menunjukkan bagaimana penghasilan karya dari idea-idea kreatif beliau yang diambil dan dijakan melalui kisah hidup yang sebenar. Antara teori Marxisme yang terdiri daripapda empat. Iaitu tema, plot,watak dan juga bahasa.

Berdasarkan hasil analisis dilakukan, beliau telah menyuarakan isu tentang masyarakat melayu berkenaan ekonomi, politik serta hak-hak milik tanah Kampung Baru tersebut. Selain itu, penghasilan drama muzikal ini adalah kerana beliau ingin menyampaikan hasrat penonton kini yang suka akan tarikan genre persembahan lakonan yang diiringi unsur nyanyian, muzik dan juga tarian tersebut.Berdasarkan drama beliau iaitu yang bertajuk “Syyy!” telah membangkitkan isu protes beliau yang berlandaskan tentang kritikan sosial. Selain itu, drama beliau iaitu “Awang” juga telah menyentuh isu dalam seorang kehidupan pemimpin ahli politik yang merupakan wira kepada rakyat tersebut. Jelaslah bahawa, Hatta Azad Khan mempunyai keperibadian diri yang sangat utuh dan kuat dalam mengubah nasib hidupnya dengan menyuarakan hak-hak milik masyarakat. Beliau

juga menginginkan perubahan hidup yang lebih baik serta memajukan diri, masyarakat, negara serta bangsa.

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan oleh Mazlan Bin Abet dalam “Pemikiran Hatta Azad Khan dalam Teks Drama Muzikal Kampung Baru” yang diterbitkan pada tahun 2016 ini lebih menfokuskan dalam penelitian tentang kehidupan Hatta Azad Khan yang merangkumi aspek sosial, politik dan ekonomi, Namun, ia masih membantu pengkaji dalam menjalankan kaedah kajian.

Bagi jurnal yang seterusnya yang menjadi rujukan ialah yang bertajuk “Krtik Sosial Dalam Novel Detik-detik Cinta Menyentuh Karya Ali Shahab” (2012) iaitu penulisnya ialah Azis Dwi Prakoso. Berdasarkan kajian ini, penulis menggunakan pendekatan teori sosiologi sastera oleh kerana ia sangat berkait dengan Novel tersebut. Novel Detik-detik Cinta Menyentuh karya Ali Shahab ini merupakan penceritaan tentang seorang anak yang cacat iaitu yang bernama Topan yang hidupnya dalam kesusahan hidup. Walaupun Topan mempunyai tubuh cacat, namaun dia tidak berputus asa dan cuba bangkit dari kesmepitan hidupnya. Novel ini menggambarkan tentang perjalanan hidup di antara keadaan kehidupan sosial dan juga politik pada Ketika itu.

Berdasarkan novel ini dapat dilihat unsur kritikan sosial adalah kehidupan yang penuh kemiskinan dan juga isu rumah tangga Hal ini kerana, perilaku watak pemegang yang berkuasa dan kaya ini menunjukkan sikap yang tidak mempunyai hati murni dan sifat yang baik. Sering kali kita melihat perkara ini terjadi di dunia realiti. Golongan atasan yang sering lupa akan golongan yang berada di bawah mereka. Justeru hal ini yang mengakibatkan taraf hidup kemiskinan semakin meningkat serta sesetengah masyarakat yang akan memperlakukan tidak baik terhadap golongan ini oleh kerana taraf hidup yang berlainan. Seterusnya unsur kritikan terhadap masalah kehidupan yang diskriminasi. Golongan yang suka memandang rendah serta mengabaikan kemampuan dan juga kebolehan manusia

yang kekurangan fizikal atau pun cacat fizikal. Walaupun dalam aspek pekerjaan, pendidikan dan sebagainya juga sering kali dipertemukan golongan masyarakat yang tidak memberi peluang dan kepercayaan terhadap mereka.

Kesimpulanya, kajian yang dijalankan oleh penulis Azis Dwi Prakoso iaitu dalam Krtik Sosial Dalam Novel Detik-detik Cinta Menyentuh Karya Ali Shahab" (2012) ini menumpukan kepada aspek kritikan sosial dalam sebuah kehidupan seseorang yang hidup dalam kemiskinan dan isu dalam rumah tangga .Sedangkan kajian yang dijalankan ini lebih memberi perhatian kepada filem *One Two Jaga* (2018). Namun demikian, kaedah analisis filem yang dijalankan oleh Azis Dwi Prokoso ini banyak memberi maklumat dan membantu pengkaji bagi menyempurnakan kajian.

Jurnal yang seterusnya yang telah menjadi sumber rujukan kajian adalah hasil penulisan daripada Puteri Roslina Abdul Wahid, (2016). Antara objektif kajian yang dihasilkan ialah penulis menghuraikan pemikiran serta pemahaman mengenai budaya dalam kalangan masyarakat di Malaysia berdasarkan dari Kartun Lat tersebut. Kajian ini telah menggunakan pendekatan sosiokognitif bagi menguatkan lagi pengisian tentang sejarah Kartun Lat dalam pelbagai aspek yang diketengahkan. Berdasarkan analisis yang dikaji, antara kritikan dalam karya beliau adalah kritikan dalam system sosial, politik dan juga ekonomi yang telah dipaparkan dalam karya beliau. Antara karya beliau yang meletakkan unsur ekonomi, sosial dan politik adalah *Lat with a Punch* (1988), *Entahlah Mak* (1985). Selain itu, antara karya yang paling terkenal sehingga sekarang adalah *The Kampung Boy* (1979). Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah penyelidikan, temu bual serta kaedah rakaman. Berdasarkan keseluruhan kajian ini dapat dilihat karya-karya oleh Lat mempunyai unsur kritikan yang cukup mendalam. Pada pandangan Lat, beliau menerapkan tentang kehidupan masyarakat kini bagi tujuan

menyelesaikan dan memperlihatkan bagaimana kepincangan yang telah berlaku tanpa disedari.

Secara keseluruhannya, berdasarkan hasil penulisan oleh Puteri Roslina Abdul Wahid, (2016) lebih memberi penelitian dalam karya-karya yang dihasilkan oleh Lat yang mempunyai unsur kritikan. Walaupun kajian yang dijalankan ini lebih meneliti dalam aspek isu sosial filem *One Two Jaga* (2018), namun kajian oleh Puteri Roslina Abdul Wahid ini juga turut membantu dalam kaedah kajian.

Berdasarkan kajian literatur yang melibatkan dengan kritikan sosial , salah satu jurnal yang diambil adalah berkenaan tentang “Kritikan sosial dalam Novel-novel terpilih karya Faisal Tehrani”. (2017). Pengarang bagi jurnal ini ialah yang bernama Fauzi bin Hasan, Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali & Madiawati binti Mamat@Mustafa. Hasil dari penulisan mereka ini mengatakan Faisal Tehrani adalah pengarang tanah air yang banyak menghasilkan karya-karya novel yang berunsur genre sastera. Novel-novel beliau banyak menceritakan tentang falsafah hidup manusia, kemasyarakatan, kritikan dan sebagainya. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif iaitu dari segi membacaan dan juga membuat pentafsiran.

Hasil daripada maklumat yang telah dirungkai, terdapat 3 aspek kritikan sosial yang digunakan dalam Novel-novel pengarang Faisal Tehrani. Anraranya ialah dari segi aspek sosioekonomi, politik dan juga sosial. Kritikan dari aspek sosioekonomi ialah kehidupan kemiskinan yang melanda dalam negara iaitu dalam bandar dan luar bandar. Ia mengenai kehidupan penduduk kampung yang hanya bergantung hidup dengan sawah padi sebagai sumber rezeki. Kehidupan mereka terjejas apabila, tanah sawah padi telah diambil oleh seorang pemimpin yang tidak mempunyai simpati bagi menjayakan keinginan mereka. Selain itu, aspek sosio masyarakat yang bermasalah dari segi keruntuhan akhlak, moral, agama dan juga keluarga. Dalam aspek politik pula menceritakan tentang perilaku ahli

pemimpin yang sanggup melakukan apa sahaja untuk mengekalkan kedudukan dan kuasa tanpa memikirkan nasib yang akan menimpa masyarakat.

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan dalam Kritikan sosial dalam Novel-novel terpilih karya Faisal Tehrani”(2017) oleh yang bernama Fauzi bin Hasan, Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali & Madiawati binti Mamat@Mustafa ini lebih memberi tumpuan dalam kritikan sosial dalam novel-novel manakala pengkaji pula lebih menekankan masalah-masalah sosial yang terdapat dalam filem *One Two Jaga* (2018) arahan Namron. Namun demikian, kaedah analisis filem yang dijalankan oleh mereka ini dapat membantu dalam kaedah kajian ini

Jurnal yang seterusnya ialah yang ke sepuluh, antara rujukan jurnal yang berkait dengan kajian kritikan sosial ialah yang bertajuk “Kritik Sosial dalam Kumpulan Puisi W.S Rendra: Kehidupan Masyarakat di Indonesia ”, (2018) yang dikarang oleh Debby Alya Pratiwi, Indah Safitri dan Lilatul Farika : Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Muhammadiyah Malang. Mereka menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan sosiologi serta Teori dari Lucien Goldman iaitu Strukturalisme genetik karya sastera dalam hubungan di antara dunia sosial yang berkait dengan kehidupan pengarang.

Hasil daripada penelitian yang telah dilakukan, terdapat 3 unsur kritikan sosial iaitu tentang kemiskinan hidup, pemerintahan dari golongan atasan dan juga status sosial. W.S Rendra telah mengungkapkan kata-kata dan penceritaan mengenai kegelisahan serta mengkritik melalui puisinya. Kesemua puisinya adalah yang berkait dengan kehidupan di Indonesia. Melalui puisi beliau iaitu yang bertajuk “Sajak orang kepanasan” yang menceritakan tentang golongan kaum atas dan juga kaum di bawah. Orang yang berkuasa dan orang yang tidak mempunyai kuasa iaitu orang kaya iaitu pemimpin kepada rakyat yang menindas rakyat dan orang miskin yang memperjuangkan hidup mereka.

Kajian literatur yang seterusnya ialah yang berkaitan dengan aspek kritikan sosial adalah yang bertajuk “ Filem sebagai Cerminan Identiti Budaya : Analisis terhadap Karya Deddy Mizwar” yang diterbitkan pada tahun 2016. Pengkarya kajian ini ialah Vina Effendi, Jabatan Pengajian Media Fakulti Sastera Dan Sains Sosial Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Objektif kajian ialah menganalisis tentang pemaparan identiti budaya dalam filem “Nagabonar Jadi 2” dan filem “ Alangkah Lucunya Negeri Ini”. Kedua-kedua filem ini banyak menerapkan unsur nilai-nilai moral di kalangan masyarakat. Selain itu, antara teori yang digunakan ialah teori tiga dimensi oleh Fairelough dan analisis kualitatif yang digunakan dalam *Cultural Studies*.

Berdasarkan analisis ini didapati pemikiran oleh Deddy Mizwar adalah mengenai identiti budaya yang menerapkan unsur politik iaitu di dalam bentuk nasionalisma Indonesia. Beliau menyatakan bahawa filem adalah sebahagian media massa mengenai nasionalisme. Selain itu, ia memberi maksud tentang fahaman di antara cinta akan negara dan bangsa.Kesimpulannya, hasil daripada kajian ini mendapat filem membawa peranan dalam sesebuah identiti budaya. Mesej-mesej positif yang beunsurkan budaya ini memberi kesefahaman dan juga kesedaran kepada kehidupan.

Jurnal seterusnya yang berkaitan dengan tajuk kajian ini ialah yang bertajuk “Kritik Sosial Dalam Filem Indonesia (Analisis Potret Kemiskinan dalam Film Laskar Pelangi dan Alangkah Lucunya Negeri Ini) ” yang diterbitkan pada tahun 2013. Pengkarya dalam jurnal ini ialah Esti Retnowati. Jurusan Ilmu Komunikasi, Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik. Filem Laskar Pelangi (2008) arahan Riri Riza ini merupakan sebuah filem yang diadaptasikan dari novel iaitu karya dari Andrea Hirata. Kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif dengan menggunakan metode dari Hermeneutik sebagai panduan dalam menjalankan kajian tersebut. Metode Hermeneutik yang digunakan adalah berkait dengan tajuk kajian. Fokus yang terdapat dalam kajian ini tentang gambaran bagaimana kritikan

sosial di dalam kemiskinnya hidup yang berlaku. Definisi kemiskinan yang digambarkan dalam filem ialah terbatasnya situasi di antara masyarakat miskin dalam mendapat hak berkenaan dalam kemudahan atau perkhudmatan asas dalam kehidupan mereka. Meneliti dari kesemua aspek, dapat dilihat kesemua babak, dialog, watak, dan juga latar diselitkan dengan isu kritikan sosial dalam konteks kemiskinan tersebut.

Kesimpulannya, berdasarkan dalam bahagian bab 2 ini, pengkaji telah menghuraikan definisi dan makna dari tajuk kajian iaitu Kritikan sosial dalam filem One Two Jaga (2018) arahan Nam ron ini. Antara definisi yang telah dihuraikan ialah definisi kritikan, dan definisi sosial. Selain itu, di dalam bahagian bab 2 ini juga, pengkaji telah memasukkan kajian-kajian lepas atau kajian literatur bagi menghuraikan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Kajian literatur yang telah dihuraikan ini adalah mengikut kepentingan dan fokus daripada kajian iaitu dalam aspek kritikan sosial. Menerusi bab ini juga setiap kajian yang telah dianalisiskan adalah dijadikan sebagai panduan utama kepada pengkaji dalam menjalankan kajian penyelidikan ini.

UNIVERSITI  
KELANTAN

## BAB 3

### 3.1 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah sesuatu kaedah, pendekatan atau cara yang digunakan bagi mencapai objektif kajian serta matlamat kajian. Metodologi adalah perjalanan di dalam suatu kajian dengan secara terperinci dan lebih sistematik. Di dalam bab ini, kaedah metodologi digunakan bagi menjelaskan secara terperinci tentang perjalanan dalam tajuk kajian penyelidikan yang dilakukan. Maklumat serta data yang diperoleh oleh pengkaji adalah tujuan dalam menyempurnakan lagi kajian tersebut. Bab ini menerangkan tentang kaedah-keadah yang akan digunakan dalam menyelesaikan kajian penyelidikan bagi tujuan melengkapkan kajian yang telah dilakukan. Kaedah yang dilakukan ini adalah bersesuai dengan tajuk kajian yang telah dipilih. Berdasarkan kaedah kajian ini yang terdiri daripada sumber rujukan perpustakaan, akhbar, tesis, internet dan juga kajian lepas. Kaedah yang digunakan ini adalah bersesuaian bagi menjalankan penyelidikan serta menjawab segala persoalan dan juga pemasalahan kajian, objektif kajian dalam kajian penyelidikan ini. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan cara pengumpulan data, menganalisis data serta kaedah menganalisis kandungan.

#### 3.1 KAEDAH KAJIAN

##### 3.1.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah Kualitatif ialah terdiri daripada bentuk data yang merangkumi aspek menganalisis kandungan, dokumen, serta bahan-bahan dalam rujukan ilmiah yang dibuat merupakan panduan atau catatan kepada pengkaji untuk dijadikan sebagai bahan utama dalam menyelesaikan kerja-kerja di lapangan yang dijalankan mengikut kajian kualitatif. Penyelidikan kualitatif ini ialah kajian mengenai sumber data, maklumat , dan analisis yang

merupakan kunci utama bagi mendapatkan kepastian dalam mengesahkan di dalam kerja lapangan yang dijalankan secara terperinci dan sistematik. Berdasarkan kaedah kualitatif ini, pengkaji akan menggunakan kaedah menganalisis kandungan yang telah dilakukan agar hasil kajian dapat mencapai objektif dan matlamat. Menurut pendapat Creswell, (1994) kaedah kualitatif merupakan gambaran interaksi proses bagi pengumpulan data . Antara bahan utama kajian penyelidikan adalah pemerhatian, soal selidik, dokumen sokongan, Selain itu, antara dokumen sokongan yang diperlukan ialah seperti gambar, video, jurnal dan sebagainya (Sogunro, Olusegun A, 2002) .

### **3.1.2 KAEDAH KUANTITATIF**

Kaedah kuantitatif adalah sesuatu yang boleh dikira atau diukur berdasarkan kepada bilangan diskrit yang dinyatakan dengan lebih jelas. Pendekatan kuantitatif ini lebih digunakan dalam pengukuran dan dilakukan dalam bentuk numerikal. Penyelidikan yang menggunakan kaedah ini adalah lebih menfokuskan kepada eksperimental dalam menggunakan kaedah data yang akan dianalisis mengikut ujian berdasarkan pada statistik.

## **3.2 KAEDAH YANG DIGUNAKAN**

### **3.2.1 Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data adalah merupakan hasil kajian yang dijalankan adalah berpadukan dengan objektif kajian dalam kajian penyelidikan tersebut. Berdasarkan kaedah penyelidikan ini, pengkaji akan menggunakan kaedah pengumpulan data yang merangkumi data primer dan data sekunder bagi membuat penilaian secara terperinci mengikut kesemua analisis yang telah dilakukan.

### **3.2.2 Sumber Primer**

Sumber primer merupakan data yang diperoleh daripada sumber asal. Melalui kaedah kajian lapangan, pemerhatian adalah merupakan teknik yang akan digunakan bagi mendapatkan sumber primer. Dengan kesemua hasil dapatan yang diperoleh dari keseluruhan kajian ini, ia dikategorikan sebagai data primer. Menurut Louis Gottchalk menyatakan maksud bagi sumber primer ialah sumber yang telah diperoleh dari catatan atau dalam bentuk tulisan. Pengkaji akan menjadikan rujukan dari filem One Two Jaga (2018) sebagai sumber bagi mendapatkan pengisian maklumat tentang isu-isu sosial tersebut.

### **3.2.3 Sumber Sekunder**

Sumber sekunder merupakan segala maklumat yang berpandukan dari bahan-bahan rujukan yang ada. Sumber ini didapati berdasarkan antara bahan bacaan yang diperoleh sedia ada antaranya ialah jurnal, tesis, buku rujukan, internet, sumber perpustakaan, akhbar dan sebagainya. Kaedah ini sangat penting oleh kerana setiap kandungan, maklumat dan bahan-bahan bacaan ini merupakan panduan yang merupakan sumber yang telah dipercayai dan sumber dapatan yang diperoleh ini merupakan hasil kajian asli yang sudah bercetak dan dikaji oleh penulis lain. Pengkaji akan menggunakan kaedah ini bagi menyempurnakan kajian penyelidikan.

### **3.2.4 Kajian Perpustakaan**

Kajian perpustakaan adalah sumber ilmiah yang penting bagi mencari bahan-bahan bacaan yang lebih terperinci. Berdasarkan tajuk kajian ini, penyelidikan ini memerlukan bahan-bahan rujukan tentang aspek kehidupan sosio masyarakat, sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Bagi menguatkan lagi fakta bahan rujukan perpustakaan sangat penting untuk kajian yang dilakukan. Selain itu, kajian lepas seperti tesis, jurnal dan buku rujukan perlu diteliti dengan betul oleh pengkaji bagi menyokong tajuk kajian berdasarkan sumber

rujukan tersebut. Berdasarkan sumber ilmiah yang diambil terdapat juga beberapa sumber luar negara yang telah diambil seperti kajian di Indonesia.

### **3.2.5 Audio Visual**

Berdasarkan audio visual ini adalah kaedah yang digunakan dalam menjalankan penyelidikan. Audio visual yang digunakan ini adalah bertujuan digunakan untuk membawa kepada penemuan filem *One Two Jaga* (2018) arahan oleh Namron.


### **3.2.6 Audio Kontekstual**

Berdasarkan analisis kaedah audio kontekstual ini, pengkaji menggunakan rujukan seperti jurnal, akhbar dan media seperti filem bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Audio kontekstual ini merupakan segala maklumat yang dicari dan diperoleh bagi menyempurnakan penyelidikan.

### **3.2.7 Internet**

Berdasarkan dari rujukan dalam instrumen internet ini adalah untuk pengkaji mencari data daripada laman web seperti Google, Google Scholar, Academia, Kamus Dewan, artikel junral, latar belakang filem dan buku atas talian. Hal ini amat memudahkan pengkaji dalam menjalankan kajian penyelidikan. Kebanyakkan tesis online, jurnal online yang berkaitan kritikan sosial banyak dijalankan oleh penulis luar terutamanya di dalam Bahasa Indonesia. Hal ini, ia memudahkan pengkaji dalam mencari banyak sumber dan membuat bandingan dengan pengisian yang ada. Selain itu juga, terdapat banyak kajian lepas hasil daripada kajian Universiti di Malaysia yang banyak membantu dan berkongsi tentang aspek kritikan sosial ni. Bahkan terdapat banyak sumber seperti kajian kiritkan sosial di dalam filem-filem Bahasa Melayu, dan Indonesia serta sumber kajian-kajian penulis di dalam novel, puisi, cerpen, drama, lagu dan sebagainya.

### 3.3 Carta Alir Penyelidikan.



Rajah 3.3 Carta Aliran Penyelidikan

**3.4 Carta Gant**

Minggu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16
Pemilihan tajuk	█															
Objektif kajian & Pemasalahan 4		█	█													
Skop penyelidikan & Kepentingan kajian				█	█											
Persoalan Kajian						█	█									
Kajian Literatur								█	█	█	█	█				
Metodologi											█	█				
Kaedah Kajian													█	█		
Persembahan															█	

Rajah 3.4 : Carta Gant

## Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan keseluruhan mengenai penyelidikan kajian dalam Kritikan sosial filem *One Two Jaga* (2018) jni, pengkaji dapat memahami konsep yang telah diterapkan berdasarkan aspek kritikan sosial tersebut. Aspek kritikan sosial ini ialah masalah dalam politik, ekonomi, sosiol dalam konteks kehidupan masyarakat yang kini terdapat banyak isu kritikan yang terjadi di dalam negara. Oleh hal yang demikian, dengan penelitian ini pengkaji dapat melihat dalam bagaimana isu-isu yang berlaku dalam masyarakat ini terjadi terutamanya dalam isu politik dimana golongan atasan seperti ahli politik yang banyak melakukan hal korup. Selain itu, kegiatan jenayah seperti rasuah yang banyak dilakukan dikalangan golongan yang mempunyai kuasa. Selain itu, terdapat juga pemasalahan isu masyarakat dalam aspek ekonomi di mana kehidupan masyarakat terpaksa hidup dalam kemiskinan serta di dalam aspek sosio masyarakat pula yang bermasalah dalam keluarga, keruntuhan ahklak, moral dan agama. Pengkaji dapat memperlajari dalam melakukan kajian literatur dan bahan rujukan sebagai panduan kepada pengkaji.

## BAB 4

### 4.0 PENGENALAN

Berdasarkan carta aliran bagi prosedur yang telah ditetapkan dalam kajian ini adalah dengan menjelaskan beberapa unsur elemen serta kaedah kajian bagi mengukuhkan dapatan melalui maklumat-maklumat dengan lebih terperinci. Berdasarkan kajian awal yang telah dilakukan iaitu melihat dari segi masalah sosial yang terdapat dalam filem tersebut. Hasil daripada kajian yang telah dilakukan. Dalam bab 4 ini menerangkan tentang analisis filem *One Two Jaga* (2018) arahan Namron. Analisis yang dijalankan adalah bagi melihat antara babak-babak yang memaparkan masalah-masalah sosial yang bertujuan untuk kritikan. Sehubungan dengan itu, berdasarkan bab 4 ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu tentang masalah sosial pendatang tanpa izin dan masalah sosial dalam rasuah.

### 4.1 MASALAH SOSIAL PENDATANG TANPA IZIN

Berdasarkan babak di dalam filem *One Two Jaga* yang mempunyai unsur-unsur sosial adalah menyentuh berkaitan isu golongan pendatang asing iaitu watak Suniati yang merupakan warga Indonesia iaitu sebagai orang gaji yang disuruh melakukan kerja yang luar dari skop tugasannya. Watak Suniati yang ingin pulang ke Indonesia kerana tidak tahan lagi menanggung derita kerana dipaksa melakukan pekerjaan oleh majikan. Dalam hal ini, Sumiyanti banyak terjadi pergelutan di antara abangnya yang bernama Sugiman. Secara tersiratnya, filem *One Two Jaga* (2018) mengetengahkan isu pendatang tanpa izin sebagai manusia yang hanya untuk dipergunakan dan tidak bermakna. Mereka ini digunakan untuk menjalankan tanggungjawab yang disuruh.



Rajah 4.1.1 Watak Suniati dan Sugiman

Berdasarkan dalam babak yang berdurasi 07:12 ini, watak Sugiman dan Suniati yang merupakan warga Indonesia sedang berbincang dan Suniati yang cuba memberontak kerana ingin pulang ke Indonesia. Dalam hal ini Sugiman yang merupakan seorang buruh dari Indonesia cuba untuk menyelesaikan masalah mereka dengan melarikan diri Suniati dari majikannya yang turut mengambil passport Suniati. Dalam kejadian ini, Sugiman mempunyai seorang anak lelaki yang bernama Joko. Watak Joko ini secara tidak langsung memberi kesedaran tentang hak dan nasib seorang anak yang perlu diberi keadilan dan dibesarkan dengan penuh didikan. Namun Joko merupakan anak-anak warga asing yang mempunyai nasib yang tidak baik apabila kehidupannya tidak seperti anak-anak luar yang mempunyai keluarga dalam kewangan yang cukup bagi mendapatkan pendidikan bagi masa depannya. Hal ini kerana, isu ibu-bapa mereka sendiri yang telah menghalang Joko untuk bersekolah. Hal ini jelas menunjukkan bagaimana kepahitan hidup golongan ini yang sentiasa hidup berjaga-jaga dan ditindas oleh majikan mereka.

KELANTAN

Analisis yang dijalankan terhadap filem *One Two Jaga* (2018) arahan Namron mendapati bahawa filem ini memaparkan masalah sosial yang berkait rapat dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Antaranya ialah masalah isu rasuah dalam kalangan anggota polis dan masalah sosial pendatang tanpa izin. Masalah pendatang tanpa izin sering kali mendapat sambutan dalam akhbar-akhbar, berita, televisyen di Malaysia. Masalah ini mampu dilihat melalui keratan akhbar *Sinar Harian* yang dikeluarkan pada 19 April 2021 yang bertajuk “Pekerja Imigran ditindas, dieksplotasi” yang menyatakan golongan pendatang tanpa izin dari Indonesia dan Bangladesh ini tersepit oleh perbuatan majikan mereka yang mencari tenaga buruh murah serta ejen yang hanya ingin mengaut keuntungan banyak dan cepat yang mengakibatkan mereka ini dipergunakan dan dieksplotasi dalam undang-undang perlindungan.

Walaubagaimanapun, golongan pendatang tanpa izin ini mempunyai masalah dan kisah yang tersendiri yang mengakibatkan diri mereka terjebak dalam hal ini. Kisah mereka yang sanggup mencari wang dan mencagar tanah pusaka keluarga untuk membayar wang pada ejen untuk datang dan bekerja di Malaysia. Hal ini kerana, negara Malaysia ini dianggap oleh mereka sebagai sebuah negara yang memberi peluang untuk pekerjaan. Oleh kerana kemasukan mereka tanpa dokumen yang sah, mereka terpaksa bergantung harap kepada majikan yang sebenarnya hanya ingin mengambil kesempatan memaksa golongan ini untuk bekerja lebih jam sehari tanpa berehat, cuti atau dibayar gaji.

Selain itu, dalam sebuah keratan akhbar *Sinar Harian* yang dikeluarkan pada 5 Julai 2021 yang bertajuk “18,355 Pati ditahan sejak Januari” yang menyatakan pihak imigresen Malaysia telah membuat banyak tangkapan pendatang tanpa izin iaitu dalam 4,694 dalam operasi penguatkuasaan mereka di seluruh negara bermula sejak 1 Januari. Ketua Pengarah iaiti Datuk Khairul Dzaimee Daud yang menyatakan golongan pendatang tanpa izin ini yang ditahan merupakan pelbagai warganegara dan warga pendatang tanpa izin dari

Indonesia yang mencatatkan jumlah tertinggi diikuti Bangladesh, Pakistan, Thailand, India, China dan sebagainya. Dalam tangkapan ini juga, mereka turut menahan majikan yang merupakan warga tempatan dan asing yang merupakan dalang dalam masalah ini. Hal ini jelaslah terbukti bahawa masalah-masalah pendatang tanpa izin di Malaysia sebenar hari semakin meningkat. Pelbagai inisiatif yang telah dilakukan oleh pihak imigresen Malaysia dalam membendung dan berusaha dalam masalah pendatang tanpa izin ini dalam negara Malaysia.

Berdasarkan dalam sebuah keratan akhbar seterusnya ialah dalam keratan akhbar Berita Harian yang dikeluarkan pada 19 Mac 2019 yang bertajuk "*Negara dijajah pendatang tanpa izin secara senyap.*" yang menyatakan negara Malaysia kini dibanjiri oleh golongan pendatang tanpa izin dan tiada langsung rakyat Malaysia di sebuah Kawasan itu. Kini di gerai-gerai makan, kedai menjual barang juga telah diambil oleh golongan warga asing ini. Menerusi dari statistik yang telah dijalankan oleh imigresen Malaysia, mereka menyatakan sehingga September tahun lalu jumlah bagi golongan pendatang tanpa izin yang bekerja sudah mencecah jumlah juta dan kebanyakannya mereka merupakan warganegara dari Indonesia, Bangladesh, Thailand Nepal dan sebagainya. Hal ini jelas terbukti, masalah isu pendatang tanpa izin yang berlaku pada masyarakat di Malaysia kini semakin meningkat. Berdasarkan analisis kajian dalam filem One Two Jaga (2018), isu sosial pendatang tanpa izin yang dipamerkan dalam babak-babak dalam filem secara tidak langsung mempamerkan dunia realiti yang terjadi dalam kehidupan sebenar.

Menerusi keratan akhbar seterusnya iaitu dalam Berita Harian yang dikeluarkan pada 24 Mei 2015 yang bertajuk "Implikasi buruk kebanjiran pendatang tanpa izin". Dalam hal ini keratan akhbar menyatakan apakah kita sebagai rakyat Malaysia perlu wajar simpati dan mempunyai sifat berperikemanusiaan kepada golongan ini atau kita menerima golongan ini bekerja walaupun secara haram? Namun sebaliknya, hal ini akan memberi

impak dan kesan dalam ekonomi, politik dan sosial dalam Malaysia jika kita tidak membendung perkara ini dengan baik. Berdasarkan akhbar ini menyatakan bahawa golongan pendatang tanpa izin ini memilih negara Malaysia oleh kerana faktor agama dan juga kerajaan di Malaysia ini yang undang-undangnya yang tidak begitu ketat. Oleh hal yang demikian, kemasukkan golongan ini yang secara tidak sah menjadikan negara Malaysia ditimpa banyak krisis. Selain itu, golongan ini akan mengalami penindasan dan juga hidup kesusahan serta kemiskinan. Ketiadaan dokumen yang sah, mereka ini dipergunakan dan dijadikan sebagai pemerdagangan di dalam kegiatan jenayah. Oleh hal ini masalah sosial di Malaysia akan semakin meningkat oleh kerana disebabkan masalah yang menimpa mereka. Golongan inilah yang banyak terjerumus dalam kegiatan seperti merompak, dadah, kegiatan jenayah dan sebagainya.



Rajah 4.1.2 Watak Adi dan Joko sedang membakar mayat pendatang asing.

Berdasarkan dalam babak ini yang berdurasi 23:12 dan 23:20 jelas menunjukkan bagaimana nasib pendatang asing yang dipandang sebagai tiada nilai dan dibuang seperti sampah. Adi yang sedang menyalaikan api untuk membakar mayat pekerja warga asing (PATI) yang mati dibunuh di kawasan hutan selerak yang tersembunyi.

Masalah pendatang tanpa izin yang tidak bernasib baik ini sering kali mendapat sambutan dalam akhbar-akhbar, berita, televisyen di Malaysia. Masalah ini mampu dilihat melalui keratan akhbar Sinar Harian yang dikeluarkan pada 1 Julai 2020 yang bertajuk "*Warga asing ditemui mati dibunuh*" yang turut menyatakan seorang lelaki warga asing di

bunuh dengan kesan tikaman pada leher di sebuah stesen minyak. Masalah ini jelas terbukti bahawa sudah banyak terjadi kepada golongan pendatang asing di Malaysia yang tidak bernasib baik dalam diperlakukan tidak berperikemanusiaan.

Seterusnya menerusi dalam keratan akhbar Berita Harian yang dikeluar pada 7 April 2021 yang bertajuk “*Bunuh kerana hutang, 4 lelaki warga asing ditahan*”. Dalam masalah ini yang menyatakan seorang lelaki warga Bangladesh yang mati dibunuh dengan kesan tikaman oleh kerana berkaitan masalah berhutang. Hal ini jelas terbukti, oleh kerana faktor kesusahan dan kemiskinan yang menimpa pendatang asing ini sehingga terpaksa berhutang bagi meneruskan hidup dan meninggalkan kesan yang memakan diri kepada mereka.

Akhbar seterusnya yang berkaitan dalam masalah sosial pendatang tanpa izin ini dalam sebuah keratan akhbar Astro Awani yang dikeluarkan pada 10 Jun 2020 yang bertajuk “*Mayat lelaki warga Bangladesh dengan kesan tetakan dijumpai di kebun sayur*” yang menyatakan mayat Mohamad Abdul Lofti yang berusia 53 tahun ini dalam keadaan terlentang dibunuh. Menerusi akhbar ini, pekerja kebun ini baru sahaja pergi ke rumah majikannya untuk mengambil wang gaji yang berjumlah RM3,000. Namun setelah pada hari itu, keesokkan pagi telah ditemui mati oleh kerana hentakan objek tumpul yang kuat. Hal ini dapat dibuktikan golongan pendatang asing di Malaysia yang mencari sumber rezeki bertujuan menyara keluarga diperlaku dengan kejam dan tanpa belas kasihan.



#### Rajah 4.1.3 Pak sarip.

Filem one Two Jaga turut memaparkan bagaimana watak majikan yang berpunca dalam isu masalah pendatang tanpa izin ini. Oleh kerana perbuatan majikan ini golongan pendatang tanpa izin ini terpaksa menanggung derita dalam sentiasa dalam ketakutan, kesusahan oleh kerana rasuah yang dilakukan oleh majikan mereka. Dapat dilihat dalam babak yang berdurasi

Watak Aman Hassan yang dipegang sebagai Pak Sarip dalam durasi 48:15 iaitu yang merupakan majikan kepada golongan pendatang tanpa izin ini yang sering memberi arahan kepada Adi dalam menguruskan apa-apa hal terhadap pendatang asing yang bekerja bersama mereka. Mereka yang dianggap sebagai golongan yang membela nasib warga pendatang asing ini sebenarnya hanya dusta sahaja. Mereka melakukan perkara tersebut adalah kerana dasar keuntungan dengan mengambil kesempatan terhadap pendatang asing. Dalam penceritaan kisah hidup golongan ini, Sugiman yang merupakan buruh Indonesia yang bekerja bersama Pak Sarip jelas menonjolkan watak Pak Sarip yang kononnya memberi diskau bayaran kepada Sugiman. Namun dapat ditonjolkan lagi apabila Adi yang membakar mayat warga pendatang asing tanpa rasa simpati dan berperikemanusiaan. Kesimpulannya dapat dilihat bagaimana nasib golongan pendatang asing yang miskin yang sentiasa ditindas dan dikeji dalam konteks masyarakat dalam kehidupan dunia sekarang.

Secara keseluruhannya, dapat dilihat melalui babak watak Pak Sarip yang mencerita bagaimana dia sebagai majikan yang hanya ingin mengaut keuntungan sahaja sehingga golongan pendatang asing ini ditinpa pelbagai musibah. Berdasarkan masalah sosial yang berkait rapat dalam akhbar-akbar kini di Malaysia tentang isu masalah majikan iaitu dalam sebuah keratan akhbar Berita Harian yang dikeluarkan pada 26 Oktober 2019 oleh Penulis Wan Noor Hayati Wan Alias yang bertajuk "*Majikan tamak punca utamakan pekerja haram*"

yang menyatakan sikap tamak oleh majikan yang mengambil pendatang tanpa izin tanpa dokumen yang sah punca sektor pekerjaan di Malaysia saban hari semakin banyak berpihak dan di ambil oleh mereka. Sebagai contoh premis dan kedai-kedai kini telah banyak dipenuhi oleh warga asing dan terdapat juga warga asing yang kini sudah mengurus sebuah restoran. Pengarah Eksekutif Persekutuan Majian Malaysia ada menyatakan majikan yang mengambil cara mudah kerana pembelanjaan kos tidak begitu banyak bagi membayar gaji kepada golongan pendatang tanpa izin tersebut.

Seterusnya di dalam sebuah keratan akhbar iaitu Umno Online yang dikeluarkan pada 5 Ogos 2020 bertajuk “*Penguat kuasa ditangkap, Subahat Bawa Masuk Pendatang Tanpa Izin*” yang menyatakan segelintir masyarakat di Malaysia yang menjadi dalang dalam memberi informasi membenarkan negara Malaysia ini diceroboh masuk secara tidak sah oleh golongan pendatang tanpa izin. Timbalan Menteri dalam Negeri membuat ulas sejak 1 Mei 2020 lalu mereka berjaya menangkap sebanyak 25 penguat kuasa yang membawa masuk pendatang tanpa izin secara senyap. Selain itu, dalam masalah ini sebanyak 3,597 individu yang terdiri pendatang tanpa izin iaitu sebanyak 2,625 dan 370 memberi dan menyampai maklumat dan berrsubahat dalam membawa pendatang tanpa izin ini menceroboh negara Malaysia.



Rajah 4.1.4 Warga pendatang asing Filipina yang diperas ugut oleh kerana mereka mencuri wang kepunyaan majikan mereka.

Menerusi babak seterusnya yang berdurasi 1:16:30 berkaitan unsur-unsur sosial mengenai isu pendatang asing ini juga pengkaji telah membuat pengrekodan berdasarkan dari tontonan dari filem *One Two Jaga* (2018) di mana watak pendatang asing yang juga berasal dari Filipina iaitu Rico (Timothy Castillo) dan juga sahabat karibnya Marzuki (Iedil Putra) yang telah diawasi oleh majikannya yang juga digelar sebagai pangkat Dato. Dalam babak ini, mereka diekori dan diperas ugut oleh majikan mereka yang merupakan golongan kaya yang kenamaan itu. Dalam babak ini, punca mereka diburu adalah kerana isu wang. Mereka diminta untuk menyerahkan wang sebanyak sepuluh ribu ringgit malaysia kepada James (Chew Kin Wah). Namun Rico telah menagihkan wang tersebut dengan mengambil tiga ribu ringgi malaysia yang bertujuan untuk dihantarkan kepada keluarganya yang berada di Filipina. Tercetus percaduan dan pergelutan serta peras ugut apabila Rico dan juga Marzuki hanya memberikan tujuh ribu ringgit sahaja kepada James sehingga menyebabkan ketidak puas hati diantara James.



Rajah 4.1.5 James yang memburu Rico dan Marzuki



Rajah 4.1.6 ketika Marzuki dan Rico ditangkap

Pada pendapat pengkaji berdasarkan kajian penyelidikan yang telah dilakukan, klimaks kemuncak dalam isu sosial pendarat asing ini dimana watak Suniati yang telah ditahan pihak polis Ketika dia berada di sebuah hotel dimana tempat hotel tersebut yang merupakan tempat tinggal sementara mereka iaitu Marzuki dan juga Rico untuk bersembunyi. Hal ini dapat dilihat kehidupan mereka sangat dibelengu dan resah kerana menjadi buruan. Penceritaan ini benar-benar mencerminkan bagaimana realiti kehidupan masyarakat kini dimana anggota polis yang menipu dan talaam dua muka dalam sentiasa menyalahkan dan menghukum. Berdasarkan penceritaan filem ini dapat dilihat jika sesebuah isu rasuah ini tidak dihentikan, maka ia tidak akan ada henti.

## 4.2 ISU SOSIAL RASUAH DALAM POLITIK.

Isu-isu sosial rasuah yang seterusnya terjadi dalam penceritaan ini ialah dapat dilihat watak Hassan (Rosdeen Suboh) yang ditugaskan untuk melakukan kerja bersama dengan anggota polis baru iaitu Hussein . Watak Hassan yang sudah lama terjebak dalam golongan anggota yang terlibat dengan hal korupsi yang meminta rasuah dari penjenayah dalam bersepakat menyembunyi hal-hal jenayah yang dilakukan. Hal ini kerana dia berbuat demikian kerana wang dan juga keluarga.



4.2.1 Watak anggota polis yang sangat berbeza dalam kehidupan mereka  
iaitu Hassan dan Hussein

Watak Hassan yang merupakan anggota polis yang sudah lama terjebak dalam isu rasuah dalam kalangan penjenayah ini. Mereka mempunyai persepsi yang sangat berbeza dari segi tanggungjawab dan amanah yang dipukul. Paparan dalam babak antara mereka ini dapat dilihat bagaimana Hussein begitu memegang tanggungjawabnya dengan betul dan Amanah apabila dia mengambil berat tentang isu papan kenyataan berkenaan jumlah jenayah. Namun berbeza pula dengan watak Hassan yang melibatkan diri dengan rasuah

demi menyara kehidupan keluarganya. Berdasarkan unsur-unsur isu sosial yang dibawa oleh Hassan dapat membuktikan bagaimana berlaku isu rasuah dalam golongan ahli politik, pemilik kedai runcit dan juga majikan dimana mereka ini terlibat dalam unsur jenayah namun diselindungi oleh perbuatan Hassan yang tidak bertanggungjawab dan tidak Amanah dalam pekerjaanya. Hal ini jelas dapat membuktikan kritikan yang diberikan amat mendalam terhadap golongan atasan yang kaya ini dengan mempunyai hasil pendapatan yang banyak namun terjerumus dalam perbuatan keji iaitu rasuah.

Watak Hussein yang diselubungi dilema dan dia terperangkap dalam melaksanakan tugasannya oleh anggota polis lain. Hasil dari penilitian pengkaji dapat melihat filem One Two Jaga ini mempamerkan bagaimana sistem dalam sebuah organisasi keselamatan negara yang banyak berlakukanya pemasalahan seperti ini. Seharusnya organisasi keselamatan negara perlulah memperketatkan undang-undang mereka dengan lebih kukuh serta memperbaiki dengan lebih baik supaya tidak berlaku apa yang terjadi pada golongan anggota ini sekarang dalam kehidupan realiti. Watak Hussein sememangnya dapat dilihat dia seorang yang menjalankan amanahnya dalam menbanteras unsur jenayah rasuah ini. Namun keadaan ini mempamerkan bagaimana Hussein yang berjuang seorang diri dalam menbanteras gejala rasuah.



Rajah 4.2.2 Hussein, James dan Zul Ketika di restoran Cina.

Situasi ini yang mengambarkan makna dan maksud tersirat berkenaan rasuah yang begitu mendalam. Perlambangan masakan ketam tersebut juga dinterpretikan sesuatu makna yang tersirat yang dinterpretikan watak Hussein yang memikul sebagai anggota polis yang berpangkat rendah tidak dapat berbuat apa-apa dibandingkan anggota polis yang memiliki kuasa pangkat yang tinggi yang boleh melakukan perbuatan keji tanpa dapat dikesan.



4.2.3 Watak Hassan yang mengambil wang rasuah di sebuah kedai runcit



4.2.4 Ketika babak Pak Sarip memberi wang sogokan atau rasuah kepada James dan Zul.

Situasi pada babak ini menunjukkan Hassan masuk ke sebuah kedai runcit kononnya ingin membeli rokok. Namun sebaliknya ada adegan lain di antara Hassan dan juga peniaga kedai runcit tersebut. Tanpa disedari ketika peniaga kedai itu menghulur satu sampul surat kecil yang berwarna coklat kepada Hassan, Hussein secara tiba-tiba muncul kearah mereka masuk untuk membeli air tin. Pada babak itu, Hussein tidak sengaja terlihat namun dia beraksi biasa-biasa sahaja. Walhal dia sudah tahu dan curiga apakah agenda Hassan menyembunyikan. Hal ini dapat dilihat, sebenarnya Hassan melakukan perbuatan rasuah dengan mengambil wang pada peniaga kedai runcit tersebut.

Filem *One Two Jaga* (2018) turut memaparkan masalah rasuah dalam kalangan pentadbir awam. Hal ini mampu dilihat melalui babak yang berdurasi 37:28 dimana watak Hassan yang menerima duit sogokan daripada sebuah pemilik kedai runcit yang bertujuan untuk wang perlindungan manakala pada babak yang berdurasi 48:05 yang menunjukkan bagaimana watak Pak Sarip yang memberi wang sogokan kepada James yang bertujuan bagi melindung aktiviti haram yang dilakukan. Masalah rasuah merupakan antara isu yang sering mendapat perhatian dalam media massa mahupun elektronik. Berdasarkan Statistik yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah menunjukkan peningkatan kes-kes ini pada setiap tahun. Kes rasuah ini telah banyak berlaku dalam kalangan penjawat awam di Malaysia.

BULAN	SEKTOR	BIL	PERATUS
Jan 2020	Penjawat Awam	41	50.62%
	Pengurusan Tertinggi	1	
	Pengurusan dan Profesional	9	
	Sokongan	31	
	Awam	40	49.38%
	Swasta	10	
	Orang Awam	27	
	Lain-lain	3	
JUMLAH		81	100.00%
BULAN	SEKTOR	BIL	PERATUS
Feb 2020		43	51.19%


BULAN	SEKTOR	BIL	PERATUS
Dis 2020	Penjawat Awam	10	38.46%
	Pengurusan Tertinggi	1	
	Pengurusan dan Profesional	4	
	Sokongan	5	
	Awam	16	61.54%
	Swasta	7	
	Orang Awam	9	
	Lain-lain	0	
JUMLAH		26	100.00%
JUMLAH BESAR		998	

Rajah 4.2.5 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Rajah ini merupakan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada bulan januari hingga disember 2020 yang menunjukkan pada bulan januari 2020 sebanyak 50.62% yang dikategorikan sebagai penjawat awam yang terlibat dengan kegiatan rasuah dan pada bulan Februari pula mencatatkan sebanyak 61.54% bagi kategori awam. Manakala bagi keseluruhan kes rasuah mengikut tahun 2020 ialah mencapai sebanyak 998 jumlah besar. Hal ini jelas dapat dibuktikan, masalah sosial dalam kegiatan rasuah ini banyak berlaku pada penjawat awam di Malaysia yang saban hari semakin meningkat.

Graf Statistik Tangkapan Untuk Jan 2021

SEKTOR	BIL	PERATUS
Penjawat Awam	19	45.24%
Pengurusan Tertinggi	0	
Pengurusan dan Profesional	5	
Sokongan	14	
Awam	23	54.76%



Rajah 4.2.6

Berdasarkan carta aliran yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Persatuan Rasuah Malaysia pada tahun 2021 mencatatkan peningkatan rasuah pada golongan orang awam iaitu sebanyak 54.76% manakala penjawat awam ialah sebanyak 45.24%. Hal ini dapat dibuktikan pada setiap tahun bagi kes-kes rasuah sektor penjawat awam dan awam menduduki bilangan dan peratusan yang tertinggi berbanding sektor lain dalam negara Malaysia.



Rajah 4.2.7 Ketika Hassan menuju ke sebuah lori yang dipenuhi dengan pendatang tanpa izin.

Dalam babak ini, Hassan yang turun dari kereta menuju ke sebuah lori yang dinaiki beberapa orang warga pendatang asing. Dapat dilihat dia meminta wang rasuah bagi tujuan perlindungan kepada mereka oleh kerana tidak mempunyai dokumen sah semata-mata bagi melepaskan kesalahan yang dilakukan. Berdasarkan kesalahan dalam rasuah iaitu di dalam Akta melalui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada tahun 2009, iaitu (Akta SPRM 2009) (Akta694), bagi sesiapa yang menerima atau meminta rasuah bagi dirinya sendiri atau untuk orang lain yang menyerupai suapan dan dorongan dalam melakukan sesuatu. Manakala bagi kesalahan menyogok pegawai badan awam adalah berada di bawah Seksyen 21, Akta 694. Bagi hukuman yang akan dikenakan di bawah Seksyen 16,17,21,23 dan 24 Akta 694 akan dikenakan sabit dipenjara tempoh tidak lebih dua puluh tahun atau akan dikenakan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah dari suapan tersebut.

KELANTAN



Rajah 4.2.8 Hussein yang meminta wang rasuah kepada Sugiman jika dia ingin Suniati dilepaskan.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh dari babak ini, dapat dilihat bagaimana watak Hussein yang terdesak dalam sentiasa meminta wang rasuah daripada Sugiman yang pada Ketika itu dia ingin mempertahankan Suniati apabila pada Ketika itu Suniati keluar dari hotel tersebut bertujuan untuk membeli makanan. Namun Suniati ditahan oleh anggota polis iaitu Hassan dan Hussein. Hussein yang meminta kad pengenalan Suniati namun dia menipu bahawa kad pengenalannya baru sahaja jatuh di jalan dan hilang. Setelah Sugiman hadir, dia bertanyakan kepada Hassan berapakah nilai wang yang perlu diberikan untuk melepaskan adiknya dari di tahan pada Ketika itu. Tanpa memikir panjang Hassan meminta wang sejumlah lima ratus ringgit sebagai jaminan jika dia mahu adiknya dilepaskan. Pada babak ini dapat dilihat bagaimana tindakan Hussein yang melakukan rasuah dan pandangan pendatang asing kepada anggota polis seperti Hassan yang menunjukkan bagaimana persepsi mereka .

Masalah rasuah merupakan isu yang mendapat perhatian dalam negara Malaysia pada masa sekarang. Hal ini dapat dibuktikan melalui keratan akhbar dari Berita Harian yang dikeluarkan pada 23 Januari 2020 yang bertajuk “*2 pegawai dan seorang anggota*

*polis telah didakwa menerima rasuah".* Dalam akhbar tersebut menyatakan pertuduhan oleh 2 anggota polis tersebut telah menerima dua suapan rasuah yang berjumlah RM22,500. Hal ini jelaslah kes rasuah yang berkait rapat kepada masyarakat di negara Malaysia dalam penjawat awam semakin berleluasa dan meningkat statistik pada setiap tahun.



Rajah 4.2.9 Watak Hussein, Hassan, Sugiman, Adi yang terjadinya pergaduhan oleh kerana Suniati.

Perbalahan di antara mereka makin kemuncak apabila Hussein sedar bahawa Hassan sering meminta wang rasuah kepada golongan pendatang asing ini. Kerana terdesak Sugiman bersetuju dan berjanji untuk memberi wang lima ratus ringgit itu kepada Hassan selepas pulang dari kedai Pak Sarip untuk meminta wang. Klimaks pada Ketika itu kian memuncak apabila Hassan yang mahu meleraikan perbalahan antara mereka kerana ingin melepaskan Suniati sehingga Hassan melepaskan satu tembakan. Namun nasib malang menimpa apabila Ketika terlerai pergaduhan itu, Sugiman menyedari ada titisan darah mengalir dan rupanya Joko terkena tembakan yang dibuat oleh Hussein pada Ketika itu tanpa disedari mereka. Hal ini jelaslah dapat dilihat, pergolakan disebakan isu rasuah dan masalah golongan imigran yang ditindas oleh anggota polis ini mencetuskan perkara hal yang sangat besar dan memakan diri sendiri sahaja. Golongan pendatang asing iaitu

Sugiman dan Suniati yang terpaksa memikul kehidupan mereka yang tidak ada penghujung sentiasa merasa terbeban oleh kerana sentiasa diburu.

Hal ini dapat dibuktikan dalam akhbar-akhbar talian iaitu dalam Berita Benar yang dikeluarkan pada 27 April 2021 yang bertajuk “*Malaysia menahan 12 Pegawai kanan Polis dan Anti Rasuah yang mempunyai hubungan dengan gangster China*”. Dalam akhbar talian itu menyatakan kesemua jumlah mereka ialah yang terdiri 10 pegawai polis kanan dan dua daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Hal ini dapat dibuktikan, golongan yang terlibat dalam isu rasuah tersebut adalah golongan yang memiliki jawatan yang tinggi dalam sektor pekerjaan mereka.

Seterusnya menerusi dalam isu masalah rasuah dalam akhbar talian iaitu dalam keratan akhbar Kosmo digital yang dikeluarkan 31 Mei 2021 yang bertajuk “*Seorang anggota polis direman bantu dalam kes rasuah*”. Berdasarkan pernyataan itu suspek disyaki meminta rasuah RM5,000 daripada seorang lelaki yang berusia 21 tahun sebagai wang rasuah dalam melepaskan dari kes rogol tersebut.



Rajah 4.2.9.1 Babak Ketika mereka sedari titisan darah daripada satu bungkusan yang merupakan tubuh Joko yang terkena tembakan.



Rajah 4.2.9.2 Watak Hassan dan keluarganya yang dilakukan oleh Vanidah Imran yang merupakan isteri kepada Hassan.

Berdasarkan isu sosial dalam One Two Jaga ini, pengkaji mendapati selain isu sosial rasuah sama ada peringkat bawahan, pertengahan dan sehingga atasan, masalah isu sosial tentang integriti anggota penjawat awam , pendatang asing, isu sosial kekeluargaan juga turut ditonjolkan. Dalam penceritaan ini, watak Hassan yang merupakan anggota polis mempunyai sebuah keluarga yang ditanggung. Segala kemahuan isterinya, Hassan akan turuti demi kebahagian anak-anak dan isteri .Hassan sanggup melakukan apa sahaja bagi memberikan kehidupan yang kesenangan terhadap keluarganya. Namun isterinya tidak tahu segala kemewahan wang ringgit yang diberikan Hassan merupakan hasil daripada wang rasuah. Pada babak ini dapat dilihat bagaimana kehidupan sebuah keluarga yang dalam masalah kewangan sehingga terpaksa melakukan rasuah agar dapat memberikan kesenangan terhadap keluarga.

Berdasarkan daripada kajian yang dilakukan oleh pengkaji secara menyeluruh, pengkaji telah menjawab objektif kajian yang pertama iaitu apakah unsur-unsur isu sosial yang terdapat dalam filem One Two Jaga (2018). Hasil daripada segala pengumpulan data dan pengrekodan maklumat dari filem yang berdurasi selama 1 jam 25 minit ini, terdapat banyak mesej dan juga pengajaran yang sangat padat. Masalah korupsi dan salah guna kuasa bagi golongan berpangkat ini mencerminkan bagaimana budaya masyarakat pada

masa sekarang. Isu-isu masyarakat yang berlaku kini dipaparkan bagi tujuan menyedarkan rakyat di Malaysia. Kualiti dari segi skrip lakon layar oleh Nam Ron ini menunjukkan penghayatan yang sudah terang lagi bersuluh yang bermaksud segala pengisian di dalam ini mempunyai keberanian dalam menyelongkar hal korupsi yang terjadi dalam Malaysia. Bahasa yang digunakan terutamanya dalam watak Adi menggunakan bahasa kesat dan kasar agar menunjukkan bagaimana emosi jiwa yang dalam kemarahan dan berontak dengan situasi masalah yang terjadi disekeliling. Unsur-unsur isu sosial yang terkandung dalam filem One two Jaga iaitu isu golongan pendatang asing dari Indonesia dan Filipina, isu rasuah dalam kalangan penjawat awam atau pasukan keselamatan, golongan atasan yang berpangkat tinggi atau pertengahan , pemasalah pendatang asing yang bekerja sebagai orang gaji yang melarikan diri dari majikan oleh kerana tidak sanggup tahan dengan desakan dan paksaan dan juga isu konflik dalam kekeluargaan oleh kerana wang.

#### **4.3 FAKTOR-FAKTOR MENDORONG ISU SOSIAL DALAM FILEM ONE TWO JAGA**

##### **4.3.1 FAKTOR KEWANGAN**

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menganalisis apakah faktor-faktor yang berlaku atau mendorong terjadinya isu sosial. Hasil penelitian daripada filem yang berdurasi 1 jam 25 minit ini, antara isu sosial yang berlaku adalah disebabkan punca pemerintahan dan kerajaan masyarakat sendiri yang tidak menjaga hak dan kesejahteraan rakyat. Masalah tentang nasib yang tidak dibela dan dibiarkan sehingga terjadinya banyak gejala jenayah terutamanya rasuah. Sebagai contoh, watak Hassan seorang anggota polis yang terpaksa mengambil rasuah oleh kerana gajinya yang mungkin tidak mencukupi bagi menyara pendapatan keluarga. Namun pelbagai sebab yang mendorong isu ini berlaku. Desakan hidup yang berlaku terhadap kehidupan seseorang mungkin disebabkan kos taraf hidup di dalam bandar yang pesat semakin meninggi. Harga barang-barang yang semakin menaik

yang menyebabkan kewangan seseorang itu tidak cukup dan mungkin hal-hal seperti ini akan berlaku.

Masalah isu rasuah ini sudah lama muncul di Indonesia pada ketika zaman dahulu lagi yang disebabkan oleh gaji yang diperoleh tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup. Selain itu, di negara China juga berlaku rasuah pada Ketika itu disebabkan kewangan yang diperoleh dari pekerjaan mereka tidak cukup sehingga menyebabkan rasuah dikalangan mereka. Rata-rata isu rasuah ini terjadi banyak pada golongan penjawat awam yang bekerja keras sehingga merasakan beban dan gaji yang sedikit serta terpaksa melakukan rasuah demi mencari wang lebih. Berdasarkan keadaan ini juga menimpa pada negara-negara lain dan negara Malaysia juga turut terjadinya rasuah disebabkan gaji yang rendah. Namun bukan sahaja golongan yang bergaji rendah faktor utama yang mendorong kepada rasuah. Ia juga berlaku kepada golongan yang berpangkat.



Rajah 4.3.1.1

Dalam hal ini faktor yang mendorong pemasalahan isu sosial dalam penglibatan rasuah oleh kerana gaji merupakan antara faktor utama yang menjadikan seseorang itu terlibat dalam masalah rasuah. Dalam hal ini budaya rasuah yang ditunjukkan dalam watak Hassan sebenarnya terjadi dalam kehidupan bandaraya kini dimana desakkan demi

mencari wang untuk kepentingan keluarga dan kesenangan tanpa memikirkan akibat yang akan terjadi. Namun disebalik kejadian yang berlaku, Hassan yang menjadi mangsa keadaan oleh kerana dia terpaksa bekerja dengan anggota pegawai polis yang berpangkat dalam penglibatan korup ini.



Rajah 4.3.1.2



Rajah 4.3.1.3

Pada babak akhir penceritaan filem One Two Jaga mempamerkan bagaimana riaksi wajah isteri kepada Hassan yang kesedihan dan penuh kesesalan apabila kejadian yang menimpa suaminya itu. Hassan berada di hospital dalam keadaan kritikal oleh kerana terkena tembakan dan juga ditumbuk. Wajah isterinya yang penuh kesesalan dapat dilihat

kerana oleh sikap dirinya sendiri yang sering meminta wang yang tanpa disedari mengakibatkan Hassan terpaksa mencari wang lebih dengan melakukan kerja-kerja rasuah tersebut.

#### **4.3.2 FAKTOR PENINDASAN TERHADAP GOLONGAN IMIGRAN**

Faktor yang mendorong isu sosial ini berlaku adalah kerana golongan yang tidak ada empati dalam diri dengan mengambil kesempatan ke atas golongan pendatang asing ini. Kehidupan mereka yang kucar-kacir oleh kerana terpaksa menangung pelbagai masalah sehingga terpaksa menangung akibat. Hal ini semestinya disebabkan oleh golongan pegawai atasan yang korup bersikap tamak dan mementingkan diri Mangsa-mangsa seperti golongan imigran inilah yang akan menerima liku-liku kehidupan dalam bergelutan masalah yang menimpa mereka.



Rajah 4.3.2.1

Watakan dibawa oleh Sugiman, Suniati dan juga anak Sugiman yang bernama Joko ini menceritakan bagaimana kehidupan mereka sebagai pendatang asing Indonesia yang tidak pernah merasakan kehidupan yang indah oleh kerana situasi disekeliling yang penuh kesempitan dalam masalah. Suniati yang memberontak oleh kerana tidak tahan dengan majikan yang mempergunakannya dengan melakukan tugas diluar skop tugas.

Sugiman pula yang sentiasa melindungi Suniati oleh kerana kad pengenalannya diambil oleh majikan. Hal ini menyebabkan kesulitan kepada kehidupan dia kerana terpaksa hidup dalam keadaan sentiasa berjaga-jaga.

Pada watak anak lelaki kepada Sugiman iaitu Joko yang tidak bersekolah kerana isu sebagai warga Imigran luar dan masalah kewangan yang menjadi penghalang. Sugiman dan Suniati yang sering bergaduh oleh kerana dia ingin mempertahankan keadilan dalam masa depan Joko dengan segera dapat meninggal Malaysia dan bersekolah di Indonesia. Namun kesulitan untuk pulang kesana sangat rumit dan harus mereka terpaksa mencari jalan tikus supaya dapat pulang.



Rajah 4.3.2.2 Watak Marzuki dan Rico sebelum dibunu

Akibat tidak dapat memperjelaskan isu wang yang diambil, pada babak akhir ini menunjukkan nasib pendatang asing Filipina iaitu Marzuki dan Rico yang dibunu oleh majikannya yang berpangkat Dato itu. Hal ini jelas menunjukkan bagaimana kehidupan pendatang tanpa izin ini melalui proses liku-liku kehidupan yang diperlaku tanpa rasa simpati orang golongan yang mempunyai kuasa dalam melakukan apa sahaja yang diinginkan. Isu yang mendorong terjadinya perkara ini adalah berpunca dari individu yang

mempunyai kuasa dalam mengawal tindak-tanduk kehidupan yang terjadi pada golongan bawahan ini.



Rajah 4.3.2.3 Watak Hussein ketika disoal siasat


Pada babak ini, segala hal korup yang berlaku dalam anggota polis yang mempunyai kuasa ini telah terbongkar. Hussein yang mengalami kesan luka akibat dipukul itu disoal oleh anggota polis wanita dan juga seorang lelaki. Penggunaan warna mood hijau pada belakang Hussein mengambarkan situasi yang berlaku. Hijau itu menunjukkan bahawa kehidupan dalam dunia realiti bersifat kekal dan bukan fantasi. Ia tidak boleh diubah realitinya. Selain itu pengunaan mood warna hijau ini mempamerkan gejala rasuah yang terjadi dalam kehidupan yang tidak boleh dihentikan atau diperbetul. Secara keseluruhan dapat dilihat, golongan imigran, watak-watak polis, golongan atasan Dato ini adalah berpunca kepada sogokan rasuah polis. Watak Husein yang bertanggungjawab dan amanah memikul tugas seorang diri ini tidak mampu untuk mempertahankan dan membanteras jenayah rasuah yang berlaku disekelilingnya yang sehingga membuat kehidupannya dalam dilema.

KELANTAN



Rajah 4.3.2.4

Faktor yang mendorong berlakunya isu sosial dalam watak-watak dalam filem ini adalah Ketika babak seorang anggota polis yang berpangkat tinggi sedang minum. Riak wajah yang kelihatan risau itu menandakan bahawa dia sedar segala kegiatan ini akan terbongkar. Dia merupakan punca utama dan dalang dalam berlakunya rasuah. Kejadian ini terbongkar apabila Hussein yang sedang di soal siasat pada ketika itu dan memberitahu bahawa dia diberitahu oleh Pak Sarip jika mereka ditahan mereka akan menghubungi pada nombor telefon tersebut.



Rajah 4.6.4.7 Kertas yang ditulis nombor oleh Pak Sarip

Pada Ketika babak akhir ini menjelaskan segala hal korup terbongkar apabila anggota polis wanita yang menyatakan Hussein pada Ketika itu cuba menghubungi nombor

pada kertas tersebut. Pada Ketika sedang menghubungi mereka terkejut kerana deringi satu telefon pada ketika itu yang merupakan milik dalam anggota di antara mereka.

#### 4.4 FAKTOR INDIVIDU

Faktor yang mendorong terjadinya unsur jenayah dalam kehidupan seseorang adalah faktor yang berpunca dari diri sendiri. Dalam seseorang merupakan punca utama mereka bertindak melakukan sesuatu tersebut. Sesuatu tindakan yang dilakukan adalah dengan didahului niat sama ada baik atau buruk. Walau bagaimanapun, sifat nilai dalam diri seseorang yang dapat mengawal dirinya sendiri. Tingkah laku serta amalan dalam kehidupan mencerminkan bagaimana kehidupan seseorang itu . Sebagai manusia yang menginginkan jalan yang lurus dan diredhai Allah SWT. Manusia perlulah sentiasa mengambil teladan, contoh dan niat yang baik dalam memulakan sesuatu perkata agar dapat menghindari dari segala perbuatan yang tidak baik. Jika seseorang itu meletakkan nilai dalam diri yang baik, maka segala sogokan rasuah tidak berlaku dan tenggelam dalam dunia yang gelap. Namun ada masa ketika dimana niat dan perancangan yang baik itu tidak tercapai oleh kerana faktor sekeliling yang kadang kala melalaikan kita.

Secara kesimpulannya dapat dilihat bagaimana faktor isu sosial yang mendorongkan ia berlaku dalam pelbagai aspek. Dasar dalam sebuah negara yang terjadinya rasuah ini adalah kerana undang-undang yang mungkin tidak begitu ketat pengawalan yang menjadikan isu rasuah ini semakin menjadi-jadi. Namun sebahagian jenayah rasuah ini bukan sahaja pada golongan yang memerlukan wang, tapi golongan yang merasakan sesuatu itu tidak cukup walaupun dirinya mempunyai segalanya dalam kehidupan. Walaupun mempunyai kereta mewah, rumah banglo, barang mahal tetapi mereka melakukan rasuah. Hasil kajian telah mencapai objektif dimana faktor-faktor yang mendorong isu sosial ini berlaku.

Keadaan persekitaran yang pelbagai, sifat manusia dalam diri itu sendiri, pengaruh, desakan kerana segalanya tentang mendapatkan wang, sifat tamak, mementingkan diri yang menyesatkan kehidupan sendiri. Sikap tamak yang ada pada seseorang anggota awam, anggota yang berpangkat tinggi, ahli politik yang tamak tidak puas akan kekayaan mereka. Oleh hal itu, berlakunya gejala jenayah rasuah di Malaysia ini kerana sikap yang tidak bersyukur. Sikap tamak dapat dilihat dimana anggota yang mempunyai jawatan ini menggunakan kuasa untuk mengambil kesempatan dengan meminta sesuatu seperti wang dan sebagainya.

#### **4.5 FAKTOR PANDANGAN MASYARAKAT TERHADAP ANGGOTA KESELAMATAN**

Berdasarkan perjalanan penceritaan yang disampaikan secara menyeluruh, pengkaji dapat melihat bagaimana pandangan pendatang tanpa izin ini kepada anggota polis. Sebagai contoh, dapat dilihat watak yang dibawa oleh Sugiman dan Suniati. Sugiman bertanyakan kepada Hassan berapa nilai wang yang perlu diberikan untuk melepaskan adiknya dari di bawa ke balai polis. Di sini dapat dilihat tanggungjawab polis sebenarnya menegakkan keadilan yang sudahnya terang lagi bersuluh menunjukkan kesalahan dan ditangkap. Namun disini, golongan ini mudah dilepaskan oleh kerana perbuatan Hassan yang melakukan rasuah.

Selain itu, watak Adi ini amat memberikan contoh masyarakat yang penuh dengan prinsip dirinya sendiri. Adi mengetahui apa yang berlaku disekelilingnya adalah semata-mata rasuah. Dia menegakkan untuk tidak terlibat dalam rasuah seperti mana yang dilakukan Pak Sarip. Dapat dilihat pada babak ketika mereka sedang pergolakkan dalam pergaduhan. Sugiman yang cemas pulang ke kedai Pak Sarip untuk meminta wang untuk dibayar kepada Hassan yang meminta bagi melepaskan Suniati. Namun watak Adi begitu marah, melawan dan berkeras terhadap Hassan yang meminta wang rasuah sebagai

jaminan. Watak Adi secara tidak langsung berjaya membuktikan bahawa dirinya seorang pejuang yang menegakkan prinsip menolak rasuah.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 5

### CADANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.0 PENGENALAN

Bab ini merupakan bab terakhir dimana pengkaji akan membuat rumusan yang menyeluruh melalui hasil daripada kajian yang dilakukan berdasarkan filem *One Two Jaga* (2018) arahan Namron. Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa filem *One Two Jaga* (2018) banyak memaparkan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Hal ini jelas terbukti melalui 14 masalah sosial yang berjaya dikesan dalam analisis bab 4. Antaranya ialah mengenai masalah pendatang tanpa izin dan juga masalah rasuah dalam kalangan penjawat awam. Hasil kajian ini juga memperlihatkan pengarah filem Namron ini telah menghasilkan filem berdasarkan keadaan realiti yang berlaku dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Perkara ini jelas kelihatan berdasarkan melalui sumber dalam keratan akhbar dalam talian seperti Sinar Harian, Utusan Malaysia, Berita Benar, Kosmo dan sebagainya yang mana memaparkan masalah sosial yang terdapat di dalam filem *One Two Jaga* (2018)

#### 5.1 KESIMPULAN

Kesimpulannya, berdasarkan analisis yang dijalankan secara menyeluruh, pengkaji telah mengupaskan masalah-masalah sosial yang terdapat di dalam filem *One Two Jaga* (2018) yang diarahkan oleh Namron. Filem ini menceritakan bagaimana kehidupan masyarakat Malaysia yang saban hari kes rasuah semakin meningkat dan isu masalah pendatang tanpa izin yang mencerobohi sempadan Malaysia kini semakin banyak oleh kerana perbuatan segelintir penguat kuasa menjadi dalang kemasukkan mereka secara senyap. Filem *One Two Jaga* (2018) ini berjaya mengangkat kesedaran kepada pengkaji tentang masalah sosial yang berlaku kepada masyarakat di Malaysia dan sebagai

masyarakat yang prihatin kita mestilah membentangkan kepada masyarakat bagi mendidik mereka bahawa hal-hal korupsi ini perlulah di banteras dan ditolak. Pengarah filem iaitu Namron berjaya membawa sebuah filem yang pertama di Malaysia dimana ia merupakan sesuatu perkara yang berani tentang menyelongkar hal-hal korupsi dalam penjawat awam di Malaysia. Setelah dianalisis menyeluruh, pengkaji mendapati konflik yang dibawa pada filem ini begitu kuat dalam mempamerkan bagaimana sebuah kehidupan dalam dua perbezaan kehidupan iaitu golongan atasan dan juga bawahan yang ditindas. Selain itu, perwatakan yang dibawa juga cukup begitu hebat dan berani oleh kerana mereka benar-benar menjiwai watak tersebut.

## 5.2 CADANGAN

Antara cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji berdasarkan kajian ini adalah pengkaji menyarankan kepada masyarakat yang peka dan bertanggungjawab dengan sentiasa menyokong kepada penggiat seni agar mereka memperbanyakkan lagi dan mengangkat filem-filem seperti ini supaya masyarakat dapat membuka mata tanpa kita sedari bermacam isu-isu terjadi dalam Malaysia yang dikawal oleh golongan anggota keselamatan, penjawat awam, politik dan sebagainya yang menggunakan rasuah dan mengambil kesempatan. Tanpa kita sedari, masyarakat di Malaysia kini banyak yang ditindas. Hal ini kerana berpuncak dari wang semata-mata. Filem yang mempamerkan isu korup anggota polis seperti ini perlu diberi pengiktirafan dalam industri dunia perfilman sama ada tempatan dan juga luar. Sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji mendapati bahawa masih terdapat beberapa aspek yang penting mampu diberikan perhatian dalam kalangan penyelidik bagi filem *One Two Jaga* (2018) arahan Namron. Salah satunya adalah seperti dalam aspek watak dan perwatakan, pelakon, penulisan dialog dan sebagainya. Oleh hal yang demikian kerana para pengkaji boleh meneliti aspek lakonan dalam filem ini kerana watak-watak yang dimainkan oleh pelakon sangat berkesan.

## Sumber Rujukan.

- Adnan, N. N. (2021, 31 Mei 2021 Isnin). Anggota Polis direman bantu Kes rasuah. Kuala Lumpur.
- Al fatihah Binti Md Adnan. (2014). Kritikan Sosial dalam Filem Mamat Khalid. *Univeriti Putra Malaysia*, 27.
- Al fatihah Md Adnan dan Normaliza Abd Rahim. (2014). Kritikan sosial dalam filem melayu Zombi Kampung Pisang. *Journal of business and Social Development*.
- Albert Bandura. (1977). *Social Learning Theory*. Albert Bandura.
- Alias, W. N. (2019). *Majikan tamak punca utama pekerja haram*. Kuala Lumpur, Malaysia: Berita Harian.
- Awani, A. (2020). *Mayat Lelaki warga Bangladesh dengan kesan tetakan dijumpai di kebun sayur*. Kuala Lumpur: Astro Awani.
- Azis Dwi Prakoso. (2012). Kritik Sosial dalam Novel Detik-detik Cinta Menyentuh Karya Ali Shahab . *Jurnal Skripsi*, 5-12.
- Badrul Redzuan & Nur Hafizoh Idris. (2020). Analisis Dekonstruktif Terhadap Satira Sosiobudaya dan Politik dalam Filem Lelaki Harapan Dunia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal*, 123-128.
- Debby Alya Pratiwi, Indah Safitri & Lilatul Farika. (2018). Kritik Sosial Dalam Kumpulan Puisi W.S Rendra: Kehidupan Masyarakat di Indonesia. *Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Muhammadiyah Malang*, 62-67.
- Fauzi bin Hasan, Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali & Madiawati binti Mustaffa. (2017). Kritikan Sosial dalam Novel-novel terpilih karya Faisal Tehrani. *Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur*, 139-144.
- Hari Wahyono. (2005). Makna dan Fungsi Teori dalam Proses Berpikir Ilmiah dan dalam Proses Penelitian Bahasa. *Jurnal Penelitian Inovasi*, 205-206.
- Hasrul Hashim. (2014). Filem dan Revolusi Teknologi. *Jurnal Komunikasi. Malaysian Journal of Communication*, 96.
- Indirawati Zahid. (2018). Strategi dan Struktur Kesantunan Melayu dalam Kritikan Mentor:. *Journal of language study*, 134.
- Jodie Yap Siew Wen. (2018). Representasi Gender Dalam Filem Bertema. *Fakulti Bahasa Dan Linguistik*, 1.
- Kamal Azmi Abd Rahman & Sharifah Nur Aminah Syed Kassim. (2016). Idea-idea Kritikan Sosial Hamka Di Dalam Novel Tenggelamnya Kapal Van der Wijck. *Pusat Pengajian Teras, KUIS*, 1.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). *Kritikan*. Kamus Dewan Edisi Keempat.

- Kamus Pelajar Edisi Kedua. (2017). *Sosial*. Pusat rujukan persuratan melayu.
- Madzlan Bin Abet. (2016). Pemikiran Hatta Azad Khan Dalam Drama Muzikal Kampung Baru. *Pusat Kebudayaan Universiti Malaya Kuala Lumpur*, 21-27.
- Malaysia, K. K. (2019). *Polisi Antirasuah KKM*. Retrieved from Kementerian Kesihatan Malaysia: Finance.moh.gov.my
- Mokhtar, N. A. (2021). *Bunuh kerana hutang, 4 lelaki warga asing ditahan*. Kuala Lumpur: BH, New Straits Times Press (M) Bhd.
- Naila Mufidah. (2004). Kritikan Sosial dalam puisi esai "Manusia Gerobak". (*Tesis sarjana yang tidak diterbitkan*). *Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta*., 22.
- Nor Hafizah bt Abdullah. (2016). Keangungan Filem P.Ramlee Di Malaysia: Perspektif Antara Generasi. *Proceeding of Workshop on High Impact Journal Writing and Publishing*., 133-134.
- Prof Madya Dr Mohd Adnan Hashim et al. (2015). Pembikinan Filem Islam Di Malaysia : Perjalanan Dakwah Atau Pelaburan Komersil. *1st International Islamic Heritage Conference*, 652.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2016). Pendekatan Sosiokognitif dalam Seni Kartun: Kajian Kes Kartun Lat. *Jurnal Bahasa Dbp*, 450-452.
- Ruzki, R. M. (2020). *2 pegawai dan seorang anggota polis didakwa terima rasuah*. Kuala Lumpur: Berita Harian.
- Sogunro, Olusegun A. (2002). Selecting a quantitative or qualitative research methodology : An experience. *Educational Research Quarterly; west Monroe*, 26 (1).
- Suraidah Ambok Mangkek & Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2018). Sosiologi dalam Filem Werewolf Dari Banglasdesh (2015). *Jurnal Wacana Sarjana*, 10-11.
- Umi Atikah Binti Mohd Kamil. (2009). Kritikan Sosial Filem Talentime. *Akademi Pengajian Melayu*. *Universiti Malaya Kuala Lumpur*., 31.
- Vebrynda, R. d. (2014). Korupsi dalam Film Indonesia. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 151-164.
- Vina Effendi. (2016). Filem sebagai Cerminan Identiti Budaya: Analisis terhadap karya Deddy Mizwar. *Jabatan Pengajian Media. Fakultu Sastera Dan Sains Sosial Universiti Malaya, Kuala Lumpur*., 12-16.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf. (2012). Faktor Persekutaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 156.
- Zulkifli, S. (2020). *Warga asing ditemui mati dibunuh*. Shah Alam, Selangor: Sinar Harian.